Jabatan An'ropologi dan sosiologi
No. Kelas: 84 No
No Perolehan: T 0870
Tarikh: 12/84

**PERANAN DAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIMAINKAN OLEH JAWATAN KUASA KEMAJUAN RANCANGAN FELDA AIR HITAM, JOHOR.**

**NORZATON AINI BINTI MOHD KASSIM**

**No:Matrik 041777**

**Latihan Ilmiah**

**Bagi Memenuhi Sebahagian**

**Daripada Syarat-Syarat Untuk**

**Ijazah Sarjana Muda Sastera.**

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi**

**Universiti Malaya**

**Kuala Lumpur**

**Sessi 1984/1985.**

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Latihan Ilmiah ini tidak mungkin dapat disiapkan tanpa pertolongan yang diberikan beberapa pihak yang berkenaan. Pertama saya ingin merakamkan terima kasih saya kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Rokiah Talib yang telah banyak meluangkan masa dan tenaga didalam memgawasi saya samada sesama saya melakukan kajian di lapangan dan juga semasa menyiapkan tesis ini.

Yang kedua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurus rancangan Encik Omar Hj. Hasan, kakitangan dan para penduduk rancangan yang telah memberikan kerjasams kepada saya semasa membuat kajian di sana. Juga terima kasih saya kepada pihak IPT yang telah membiayai segala perbelanjaan semasa saya membuat penyelidikan

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada keluarga angkat saya iaitu Hj. Sadiman Kasman sekeluarga yang banyak memberi bantuan kepada saya.

Juga tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Saudara Mohd Espri Idris , yang telah sama-sama membuat kajian di sana.

NORZATON AINI MOHD KASSIM

(041777)

3K, Jln Sg. Bertek,

Telok Gadong,

Kelang,

Selangor.

University of Malaya

ISI KANDUNGAN                                                    MUKA SURAT

PENGHARGAAN ..... .... .... ...... ..... i

KANDUNGAN ....... .... .... ...... ..... ii

SENARAI DAN JADUAL ..... ..... ..... ..... ..... vvi

SINOPSIS .... ..... .... ..... ..... ..... vii

BAB 1 : Pendahuluan

1.1 : Tujuan dan Bidang Kajian .... ..... .... 1

1.2 : Keadah Kajian .... .... ........ .....2

a. Pengumpulan Sampel / Sampling ......... .... 2

b. Pengumpulan data berdasarkan soalselidik ..... 3

c. Temubual .... ..... ..... ....... .... 3

d. Pemerhatian .... .... ...... ....... ...4

e. Mengkaji data yang sedia ada /dokumen ...... ...4

1.3 : Masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian....5

BAB 2 : LATARBELAKANG FELDA DAN JKKR secara am .... .....8

2.1 : Keujudan FELDA ... .... .... .... ....8

2.2 : Objektif-objektif FELDA .... .... .... .....10

2.3 : Bentuk Organisasi dan Perjawatan .... .... ....10

a: Pembangunan Tanah dan Penempatan ..... ....... 11
i. Operasi .... ..... ..... .... 11
ii. Khidmat .... .... ....... .... 12
b: Perbadanan-perbadanan .... ..... .... .... 12
2.4 : Pembangunan Tanah dan Penempatan peneroka .... ..... 12
2.5 : Sumber Kewangan .... .... ..... ......... 19
2.6 : Peneroka ..... ..... .... ..... ..........23
a : Pemilihan Peneroka ..... .... ..... .......23
b : Kewajiban Peneroka ababila memasuki rancangan .....23

MUKA SURAT

c ; Sistem kerja untuk peneroka ... ........ 24

i. Rancangan tanaman Getah. ...... .... 24

ii. Rancangan Kelapa Sawit. ....... ... 24

iii. Kerja-kerja diluar rancangan. .... .. 25

d: Bantuan kewangan kepada peneroka dan pembayaran balik pinjaman ... ... .... ...... .. 25

f : Pendapatan Peneroka ... ..... ..... ... 27

2.7 : Khidmat Pembangunan FELDA ..... ..... ... 28

2.8 : Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan ..... .. 31

2.9 : Perwakilan JKKR Peringkat Rancangan ..... .... 33

2.10 : Gabungan JKKR Wilayah .... ..... ... .... 34

2.11 : Gabungan JKKR Nasional .... ..... ... .... 35

2.12 : Biro-biro ... ..... ..... .. .... 35

BAB 3 : LATARBELAKANG RANCANGAN FELDA AIR HITAM ... ...37

3.1 : Latarbelakang Rancangan FELDA Air Hitam ... ...39

3.2 : Kedudukan Fizikal Tanah .... ..... ...40

3.3 : Tanaman Utama Getah DAN cara perkerjaan ... ...41

3.4 : Tanaman Semula ... .... .... ..... .... ...43

3.5 : Kemudahan Awam ... .... ... .... .... ..43

3.6 : Sistem Blok di FELDA Air Hitam .. .... .... .49

a. Sistem Blok JKKR . ... .. ... .... ..49

b. Sistem Blok GPW ..... ... ... ... 51

c. Sistem Blok Ladang. ... ... .. ....51

3.7 . Pentadbiran FELDA Air Hitam .... .... .... ..52

BAB 4 : LATARBELAKANG RESPONDEN. .... ... .... ..53

4.1 : Penduduk ... .... .... .... .... ..53

4.2 : Jenis Rumahtangga ......... ..... ..... 54

4.3 : Peringkat Umur ..... ... ...... ... 55

4.4 : Tingkat Pelajaran .. .. .... .... 55

4.5 : Pekerjaan sekarang dan Pekerjaan Sebelum masuk rancangan ... ... .... .... 61

4.6 : Tingkat Pendapatan ... ... .... .... 62

4.7 : Tujuan masuk rancangan ... .... .... 64

4.8 : Bilangan Anak ... ... .... .... ... 66

4.9 : Sebab anak-anak peneroka tinggal di luar Rancangan .... ..... ..... .... 68

4.10 : Bentuk Kekeluargaan ..... ..... .... 71

4.11 : Penyertaan dalam kumpulan sosial dan keagamaan serta sebab menyertai .... ..... ..... .. 72

4.12 : Syarat patut terdapat pada AJK JKKR ..... .. 75

BAB 5 : AKTIVITI DAN PERANAN JKKR FELDA AIR HITAM ... .. 78

5.1 : Penubuhan JKKR FELDA Air Hitam (FAH) ... .. 78

5.2 : Pola-pola Pentadbiran .... .... .... ... 80

5.3 ; Aktiviti-aktiviti JKKR di peringkat blok dan di peringkat rancangan ... .... .... ..... 84

i : Biro Sosial dan Kemasyaratan ......... .... ..... 84

a. Akitiviti-akitiviti di peringkat blok ... .. 84

b. Akitiviti-aktiviti di peringkat rancangan .. 85

ii : Biro Ekonomi

a. Peringkat blok .... ..... ...... .... 86

b. Peringkat Rancangan ..... ..... ..... 87

iii : Biro Pelajaran

Peringkat Rancangan ..... ...... ........ 90

iv : Biro LADANG

Aktiviti peringkat Rancangan ... ..... ..... 92

5.4 : Peranan JKKR DI Rancangan FELDA Air Hitam .... ... 95

5.5 : Dapatkan /adakan JKKR di rancangan ini memainkan peranan tanpa arahan dan kerjasama kakitangan FELDA .... ..... ....... .... ... 97

5.6 : Kalau JKKR dibubar adakan ianya dirasai oleh peneroka .... ..... ..... .... 99

5.7 : Apakah pendapatan peneroka mengenai JKKR dari segi penyertaan peneroka dan aktiviti ... .... ... 101

5.8 : Pentadbiran .... ..... .... ...... .... 105

BAB 6 : RUMUSAN DAN PENUTUP ..... ..... ..... .... 110

BIBLOGRAFI..... ..... ...... ...... ... 118

LAMPIRAN ...... ..... ....... ...... ... 120

University of Malaya

SENARAI JADUAL MUKA SURAT

BAB 2

Jadual 2.I .... ...... ......... ..... II

Jadual 2.2 ..... ....... ........ ...... I4

JAdual 2.3..... ....... .... ..... I5

Jadual 2.4 ... .... .... ..... I6

Jadual 2.5 ... ... ... ..... I8

Jadual 2.6 ... ... .... ..... 20

Jadual 2.7 ... ... .... ..... 2I

Jadual 2.8 ... ... ..... ..... 22

Jadual 2.9 ... ... .... ..... 27

Jadual 2.I0 ... ... .... ... 30

Jadual 2.II ... ... .... .... 3I

BAB 3

Jadual 3.I .... ... ... 38

Jadual 3.2 .... ... ... 50

Jadual 3.3 .... .... .... 5I

BAB 4

Jadual 4 .I .... .... ... 54

Jadual 4.2 .... ... ... 56

Jadual 4.3 ..... ...... ..... 57

Jadual 4.4 ..... ...... ..... 59

Jadual 4.5 .... ...... ...... 60

Jadual 4.6 .... .... ....... 63

Jadual 4.7 .... .... ....... 65

Jadual 4.8 .... ..... ........ 67

Jadual 4.9 .... ...... ......... 68

Jadual 4.I0 ... ..... ........ 70

Jadual 4.II ... ..... ....... 7I

Jadual 4.I2 .... ..... ....... 73

Jadual 4.I3 ... ..... ....... 74

Jadual 4.I4 .... ..... ....... 77

BAB 5

Jadual 5.I a ..... ..... ...... 93

b .... ..... ...... 93

Jadual 5.2 .... ..... ...... 94

Jadual 5.3 .... .... ..... 97

Jadual 5.4 .... ..... ..... I02

Jadual 5.5 .... .... ..... I04

Jadual 5.6 .... .... ..... I06

University of Malaya

SINOPSIS

Bab1 merupakan pendahuluan kepada kâjian ini, dimana pengkaji mengariskan aspek-aspek yang akan dilakukan. Di antaranya ialah tujuan, dan bidang kajian serta keadah yang digunakan dan masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian di sana.

Bab 2 merupakan satu ringkasan mengenai latarbelakang sejarah penubuhan serta perkembangan organisasi FELDA hingga sekarang. Ia juga meliputi perkembangan awal Rancangan-rancangan tanah yang mula-mula dibuka , penempatan para peneroka dan juga perkembangan organisasi pentadbiran FELDA di peringkat pusat dan juga rancangan. Dalam bab ini juga dibincangkan juga latarbelakang JKKR dari peringkat rancangan hingga ke peringkat Nasional. Memperkata cara perwakilan peneroka dibuat.

Bab3 menerangkan secara keseluruhan mengenai latarbelakang secara keseluruhan tempat kajian . Ia meliputi sejarah awal pembukaan Rancangan , pengambilan masuk para peneroka, jenis tanaman utama. Juga dibincangkan ialah corak pentadbiran di rancangan ini serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di sini.

Bab 4 khas menerangkan mengenai latarbelakang responden yang dikaji . Ini yang dikaji . Ini adalah meliputi aspek-aspek seperti umur, pekerjaan, pendapatan dan tingkat pelajaran yang di capai, juga mengenai penglibatan para peneroka dalam JKKR.

Bab 5 menerangkan secara terperinci mengenai peranan dan aktiviti yang dimainkan oleh JKKR FELDA Air Hitam . Ia meliputi perkembangan awal JKKR dan juga sejarah penubuhan. Penekanan

adalah kepada aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dijalankan oleh JKKR serta kejayaan yang telah dicapai. Melihat juga sejauhmana JKKR dapat memiankan peranan sebagaimana dikehendaki oleh peneroka.

Bab 6 merupakan rumusan daripada kesemua bab sebelum ini dan merupakan penting kepada kajian yang telah dijalankan.

University of Malaya

# BAB I: PENDAHULUAN

## I.I TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang dijalankan di Rancangan Tanah Felda, Air Hitam, Johor selama sebulan iaitu daripada 28hb April - 28hb Mei 1984. Tujuan kajian yang utama ialah meninjau Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di rancangan ini dari segi struktur organisasi, peranan dan fungsinya. Dari struktur organisasi akan ditinjau bagaimana perlantikan ketua-ketua blok dan ahli-ahli Exconya, penyusunan struktur organisasi JKKR, serta melihat perjalanan pentadbiran JKKR di sini. Memerhatikan juga sama ada JKKR memainkan peranannya sebagaimana dikehendaki oleh FELDA ataupun sebagai badan perantaraan sahaja, di mana tanpa kewujudannya pun peneroka-peneroka dapat berdikari. Pengkaji juga melihat akan fungsi-fungsi JKKR dalam aspek sosial, ekonomi, keagamaan dan pentadbiran.

Bidang kajian ini meliputi latarbelakang rancangan dan peneroka-peneroka yang terdapat di rancangan ini, persatuan-persatuan yang diceburi oleh mereka dengan memberi penekanan utama kepada JKKR. Selain dari itu tinjauan juga meliputi latarbelakang penubuhan JKKR. Kajian ini juga menekan kepada sikap para peneroka terhadap JKKR serta penglibatan mereka dan sebab-sebab kenapa mereka aktif dan kurang aktif di dalam JKKR.

Aspek-aspek yang dikaji ialah mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JKKR untuk memajukan dan membangunkan masyarakat rancangan di mana JKKR merupakan sebuah organisasi terpenting dalam menjalankan pembangunan sosial dan kemasyarakatan serta pentadbiran

di mana merupakan matlamat jangkapanjang FELDA untuk mewujudkan dan membangunkan keluarga-keluarga peneroka yang sejahtera, tinggal dalam rumah-rumah yang selesa, mengerjakan tanah dengan lebih produktif serta membentuk masyarakat yang lebih progresif, sedia dan sanggup menghadapi cabaran-cabaran dan persaingan dunia semasa. Kejayaan JKKR diukur melalui kebolehannya mewujudkan peneroka-peneroka yang berkeupayaan untuk berdikari serta aman dan supaya dapat memenuhi aspirasi peneroka, menyelesaikan masalah, menjaga kebajikan dan menentukan bahawa masa depan peneroka terjamin.

I.2 KEADAH KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji merupakan satu kajian kes kerana itu terdapat beberapa keadah kajian yang digunakan:-

a) Pemilihan Sampel/Sampling

Sampling ialah 'a portion of the population. It contains some and only some of the elements which, in total, constitute the population' (Mark Abrahamson, 1983:200). Sampling digunakan untuk memilih responden-responden bagi memperolehi data-data yang dikehendaki dan melalui data-data tersebut diharapkan akan dapat dipergunakan sebagai mewakili bagi keseluruhan penduduk di tempat tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih 30 orang responden dengan menggunakan 'Stra tified Sampling', ini adalah berdasarkan rancangan ini terbahagi kepada 3 peringkat yang mempunyai penempatan peneroka dan terbahagi kepada 13 blok. Pengkaji telah memilih satu peringkat untuk mendapatkan 15 orang responden bukan Ahli Jawatankuasa (AJK) JKKR sementara 15 lagi responden adalah terdiri daripada AJK JKKR

iaitu terdiri daripada 13 ketua blok, seorang Pengerusi Gabungan Persatuan Wanita (GPW) dan Pengerusi Persatuan Belia.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Peringkat 1 | 5 blok (5x4) | = | 20 buah rumah |
| Peringkat 2 | 4 blok (4x1) | = | 4 buah rumah |
| Peringkat 3 | 4 blok (4x1) | | 4 buah rumah |
| Tambah seorang pengerusi GPW | | = | 1 |
| Seorang pengerusi Persatuan Belia | | = | 1 |
| | Jumlah | | 30 |

Pengkaji telah menjalankan temuramah dengan responden-responden melalui temuramah dari rumah ke rumah berdasarkan soal selidik yang telah disediakan terlebih dahulu.

b) Pengumpulan data berdasarkan soal selidik

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyediakan satu set soal selidik dan ini merupakan satu keadah yang sering digunakan kerana melaluinya mudah mendapatkan data-data dari responden.

Pengkaji menyoal responden-responden melalui soalan-soalan yang telah disediakan dan mencatitkan jawapan yang diberi. Soalan-soalan ini mengandungi beberapa bahagian kepada aspek biodata, ekonomi, sosial dan keagamaan (Lihat Lampiran A).

Soalan yang dikemukakan terbahagi kepada bentuk 'open-ended' dan 'close ended'. Soalan-soalan berbentuk 'close ended', responden dikehendaki hanya memilih salah satu dari jawaban yang telah disediakan sementara 'open-ended', responden secara bebas mengeluarkan pendapat dan ini merupakan cara yang lebih baik.

c) Temubual

Selain menggunakan borang soal selidik tersebut, pengkaji juga

telah mengadakan temubual dengan responden-respondan dan orang-orang yang berkenaan, keadah ini digunakan kerana didapati bahawa melalui soal-selidik sahaja tidak mencukupi. Pengkaji juga mendapati bahawa kaedah temubual ini adalah lebih baik kerana pengkaji dan juga responden tidak akan terasa terkongkong kerana responden selalunya mempunyai anggapan prasangka terhadap borang-borang selidik. Melalui temubual, responden-responden didapati begitu rela memberi maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian.

d) Pemerhatian

Obversation is usually an important means of obtainning deta in fieldwork studies. The obversetions can be highly structured and focused upon behaviours that are extracted on to by the buger situation in compliance with a the ovetical perspective prion to he on set of the fieldwork. ( Mark Abrahamson, 1983:302 ).

Method ini digunakan dengan tujuan supaya kajian menjadi lebih lengkap kerana melalui pengumpulan data dan temubual tidak mencukupi. Pemerhatian sesuai untuk melihat keadaan sekeliling, hubungan sosial peneroka, keadaan fizikal kampung dan sebagainya. Pemerhatian sesuai digunakan kerana apabila seorang pengkaji menanyakan soal-soal maka responden akan cuba memperlihatkan dan perlakukan yang berbeza dari asalnya, maka melalui pemerhatian maka pengkaji akan dapat mengetahui hal sebenarnya.

e) Mengkaji data yang sedia ada/Dokumen Rasmi

Pengkaji terpaksa menggunakan keadah ini kerana keadah-keadah lain tidak dapat mengumpulkan cukup data-data yang diperlukan. Rujukan terutama untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai latarbelakang tempat kajian, tempat kajian, hasil pengeluaran, aktiviti-aktiviti JKKR

dan lain-lain lagi di mana tidak boleh diperolihi melalui responden. Melalui rujukan akan menolong pengkaji untuk menguatkan lagi penerangan yang diberi di dalam kajian yang dilakukan. Bahannya seperti kertas kerja, memorandum, lapuran mesyuarat agung dan bahan-bahan lain dapat menolong pengkaji dalam membuat kajian.

## 1.3 MASALAH YANG DIHADAPI SEMASA MENJALANKAN KAJIAN

Beberapa kesulitan telah pengkaji hadapi bila menjalankan kajian ini.

Pertamanya:- Pengkaji hanya dapat bertemu dengan respondan hanya pada waktu petang kerana pada siang hari mereka menoreh dan oleh kerana tidak terdapat pengangkutan dan ditambah lagi tidak terdapat lampu-lampu jalan maka kajian sebelah malam tidak dapat dijalankan.

Oleh kerana waktu yang terhad, iaitu selama satu bulan, maka pengkaji terpaksa tergesa-gesa mengisikan borang soal selidik tersebut kerana banyak lagi perkara-perkara yang perlu diberi perhatian. Adakalanya pula responden susah hendak dijumpai kerana mereka juga mempunyai kegiatan-kegiatan lain pada sebelah petang, seperti projek 'Buku Hijau', menangkap ikan, ternakan dan sebagainya.

Kedua:- Dalam usaha mendapatkan bahan kajian didapati bahasa responden-responden teragak-agak membuat maklumat, misalnya mengenai pendapatan mereka, anggapan terhadap AJK JKKR dan sebagainya. Ini adalah kerana mereka takut untuk memberi maklumat yang sebenar kerana mereka menggangap pengkaji sebagai kakitangan FELDA dan takut melalui lapuran mereka, mereka akan mengenakan tindakan tatatertib oleh kerajaan ataupun pihak FELDA.

Ketiga:- Pengkaji mendapati bahawa tidak terdapat maklumat-

maklumat bertulis yang lengkap disimpan oleh Pejabat Rancangan Felda Air Hitam, terutama mengenai latarbelakang rancangan. Jadi untuk mendapatkan latarbelakang rancangan tersebut maka pengkaji terpaksa mendapatkan dari beberapa responden yang masih ingat tentang peristiwa tersebut.

Keempat:- Masalah seterusnya ialah kerana kawasan kampung ini terlalu luas iaitu 99 hectares dan setiap peringkat adalah berjauhan antara satu sama lain dan tidak terdapat pengangkutan di antara peringkat, maka pengkaji terpaksa berjalan kaki dari satu peringkat ke satu peringkat adalah agak lama dan ditambah lagi oleh kerana terdapat musim hujan, menyulitkan lagi kajian yang dilakukan itu.

Kelima:- Pengkaji terpaksa 'menggangu' tugas-tugas kakitangan pejabat, kadang-kadang pengkaji terpaksa menanti sebentar supaya kakitangan dapat menyelesaikan perkara penting. Pengkaji memerlukan pertolongan kakitangan Felda dan menyebabkan mereka terpaksa melayan pengkaji, ini sudah tentu membuatkan kerja mereka terganggu.

Keenam:- Kerjasama dari responden-responden tidak diperolihi sepenuhnya kecuali daripada mereka yang sudah sedia membantu. Ini ujud kerana telah terdapat banyak kajian dilakukan di sini oleh beberapa pusat pengajian tinggi, maka penduduk-penduduk menyatakan bahawa mereka sudah bosan menjawab soalan-soalan yang kebanyakannya berkaitan dengan peribadi seperti pendapatan, simpanan, bilangan anak, tingkat persekolahan dan lain-lain lagi.

Ketujuh:- Didapati juga kadangkala responden terkeluar dari tajuk semasa soalan dikemukakan, maka pengkaji terpaksa mendengar dan menyokong pendapat mereka sebelum dapat menarik mereka semula ke tajuk yang asal.

Walaupun terdapat beberapa masalah yang dihadapi tetapi pengkaji telah cuba mengatasi ataupun mengurangkannya supaya data-data yang dikutip untuk latihan ilmiah ini akan menjadi lebih tetap dan relevan, dengan menggunakan budibicara pengkaji sendiri.

University of Malaya

## BAB II

### LATARBELAKANG FELDA DAN JAWATANKUASA KEMAJUAN RANCANGAN SECARA AM

### 2.1 KEUJUDAN FELDA

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Felda telah ditubuhkan di bawah Ordinan Kemajuan Tanah Bil: 20 (1956), dikuatkuasakan pada lhb Julai 1986. Ianya ditadbirkan oleh sebuah lembaga yang bertanggu-jawab kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Penubuhan adalah atas pengakuan dan syor dari 'Pasukan Petugas' (Working Party) yang telah dilantik oleh kerajaan pada bulan Ogos 1955 dengan dua objectif utama:-

Pertama, untuk melihat keperluan akan kehendak kerajaan negeri dalam mendapatkan bimbingan dari Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan kawasan baru untuk dijadikan ladang-ladang dan penempatan peneroka.

Kedua, mensyorkan sebuah organisasi yang bakal memainkan peranan penting dalam hal kewangan dan pentadbiran.

'FELDA was set up in 1956 to assist the then esasting Goverment departments in solving the problem of rural Landlessnes and rural Poverty' (Shamsul Bahari, Foreward, 1974).

FELDA sebagai sebuah badan yang terkemuka dalam lapangan pem-bangunan tanah dan penempatan, telah mengambil peranan yang penting bagi melaksanakan hasrat kerajaan dalam memajukan kedudukan sosial dan ekonomi penduduk luarbandar serta melaksanakan dasar mempelbagaikan per-perkembangan pertanian.

Pada peringkat awal penubuhannya, FELDA adalah bertanggungjawab untuk merancangkan, meminjamkan dan menguruskan skim-skim di bawah kuasa lembaga-lembaga tanah negeri. Projek awalnya ialah di Ayer

University of Malaya

Lanas, Kelantan dan dikelolakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Merah, Negeri Kelantan. Perkara ini melambatkan pekerjaan, untuk mengatasi masalah ini mulai dari tahun 1958, Felda telah mengalami perubahan yang besar dari segi peranan dan organisasi. Felda tidak lagi menjadi peminjam kepada kerajaan-kerajaan negeri tetapi telah bertanggungjawab dalam merancangkan, membuka tanah baru, membiayai dan mentadbir penempatan semula peneroka dan Rancangan mula-mula ditadbir seratus peratus oleh FELDA ialah di Lembah Bilut pada tahun 1958.

Peringkat permulaannya FELDA telah begitu menumpukan perhatian ke atas hal ekonomi dan pengurusan, tetapi perkara ini tidak membawa banyak perubahan peneroka kerana apa yang diperlukan sekarang ialah keperluan sosial dan perhubungan di antara peneroka kakitangan FELDA. Oleh itu 'Settler Development Advisory Committee' telah ditubuhkan pada tahun 1967 yang mengandungi pegawai dari Kementerian Pembangunan Luarbandar dan Jabatan Pertanian, telah membentuk satu garis panduan untuk diikuti oleh FELDA dalam membentuk pembangunan peneroka 'Pembangunan Peneroka' mempunyai tujuan-tujuan:-

i) Menggalakkan kelahiran pemimpin-pemimpin di kalangan peneroka-peneroka dalam rancangan tanah yang disediakan.

ii) Melatih dan melengkapkan peneroka bukan sahaja dalam bidang pertanian, tetapi juga dari segi tanggungjawab kemasyarakatan.

iii) Menubuhkan organisasi sosial yang sesuai dan boleh mengujudkan ketenteraman.

iv) Menggunakan cara-cara yang sesuai untuk menggalakkan mempelbagaikan ekonomi melalui usaha kumpulan tertentu.

Penubuhan bahagian ini telah didorong oleh hasrat dan kehendak-kehendak Lembaga supaya semua rancangan FELDA mempunyai peneroka-

peneroka yang dinamik dan bertanggungjawab serta sedia berdikari. Diharapkan mereka akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih sempurna bagi mencipta masyarakat dan generasi yang baru di rancangan supaya setanding dan setimpal dengan masyarakat maju di bandar.

## 2.2 OBJEKTIF-OBJEKTIF FELDA

a) Membuka dan memajukan tanah untuk dijadikan kawasan perladangan dan penempatan.

b) Menempatkan rakyat yang tidak bertanah dengan tujuan meningkatkan taraf hidup mereka.

c) Melaksanakan pembangunan secara padu dengan mengadakan kemudahan awam dan khidmat untuk meninggikan taraf ekonomi dan masyarakat peneroka.

d) Menjalankan kegiatan-kegiatan sosial dan kerohanian bertujuan memberikan keluarga peneroka galakan untuk menjadi rakyat yang berdikari, progresif dan bertanggungjawab.

e) Mengadakan kemudahan-kemudahan pemerosesan, pemasaran, pengangkutan dan lain-lain aktiviti yang boleh memberi pulangan yang optimum kepada peneroka-peneroka.

## 2.3 BENTUK ORGANISASI DAN PERJAWATAN

Pada peringkat awal penubuhan FELDA, kebanyakannya bergantung kepada bantuan dan kerjasama dari agensi kerajaan yang lain untuk mendapatkan tenaga kerja, contohnya kedua-dua setiausaha awalnya adalah dari 'Department of Cooperative Development' dan 'Smallholders Advisory Services of the Research Institute'. Dalam tahun 1958 FELDA mempunyai hanya 5 orang pekerja di pusat iaitu Pengerusi, Setiausaha,

University of Malaya

Akauntan, Pembantu Pejabat dan Kerani. Tetapi pada tahun 1984 (sehingga 30hb Jun 1984) kakitangan FELDA berjumlah 19,627 orang dan diketuai oleh seorang Pengerusi Kumpulan dan beberapa pengarah yang menguasai bahagian-bahagian masing-masing. (Lihat Lampiran).

JADUAL 2.1

Kakitangan Kumpulan FELDA dan melalui pecahan mengikut Gred jawatan adalah seperti berikut:-

| | A | B | C | D | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| FELDA | 350 | 752 | 4,793 | 1,891 | 7,786 | 39.7 |
| Perbadanan-Perbadanan | 296 | 249 | 1,891 | 8,500 | 10,936 | 55.7 |
| Syarikat Usahasama | 90 | 279 | 216 | 320 | 905 | 4.6 |
| Jumlah | 736 | 1,280 | 6,900 | 10,711 | 19,627 | 100.0 |

Data: Dari Ibu Pejabat FELDA.

Tadbiran FELDA dibahagikan kepada tiga bahagian:-

- Pembangunan Tanah dan Penempatan.
- Perbadanan-perbadanan.
- Syarikat-syarikat Usahasama.

a) Pembangunan Tanah dan Penempatan

Bahagian ini diketuai oleh Pengarah Besar dan dibantu oleh dua orang Timbalan Pengarah Besar, iaitu Operasi dan Khidmat.

i) Operasi

Bahagian Operasi bertanggungjawab ke atas semua aspek perlaksanaan

pembangunan pertanian dan pembangunan peneroka. Seorang Pengarah Operasi mengawasi 3 Pengawal Wilayah yang mengawasi pula lebih kurang 20 rancangan yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 30,350 hekter.

ii) Khidmat

Bahagian ini memberi khidmat-khidmat sokongan kepada Operasi dan mengandungi Jabatan-Jabatan Kewangan, Proses, Khidmat Kejuruteraan, Belanjawan dan Perancangan, Proses Data, Khidmat Urusan, Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka, dan Jawat dan Tadbir.

b) Perbadanan-Perbadanan

Perbadanan-Perbadanan FELDA ditubuhkan di bawah Seksyen 42 Ordinan Kemajuan Tanah 1956 sebagai badan-badan tunjangan untuk memberi sokongan dalam bidang memproses, pemasaran, pembekalan, pengangkutan khidmat pertanian, keselamatan dan pembinaan. Pada masa ini terdapat lapan Perbadanan yang diuruskan secara komersial dan 'Self-Financing'. Seorang Pengarah Urusan Perbadanan dan seorang Pengurus Besar Kumpulan bertanggungjawab ke atas tadbiran Perbadanan-Perbadanan yang satu-satunya diketuai oleh Pengurus Besar / Pengurus masing-masing.

c) Syarikat-syarikat Usahasama

Enam buah Syarikat Usahasama telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Syarikat-syarikat ini diuruskan oleh Pengarah Urusan / Pengurus Besar masing-masing dan diawasi oleh seorang Pengarah Eksekutif Kumpulan (Perkembangan Niaga).

2.4 PEMBANGUNAN TANAH DAN PENEMPATAN PENEROKA

Dalam pemilihan tempat pembukaan tanah FELDA telah menyediakan satu garis panduan dalam mendapatkan tanah yang sesuai untuk pertanian,

antara cara pemilihannya:-

1. Hakmilik atas tanah - menentukan samada tanah tersebut merupakan hak Kerajaan Negeri, luas serta dapat dibina perkampungan di-tengah-tengah kawasan rancangan.
2. Sesuai dari segi kesuburannya.
3. Bebas dari apa-apa jenis galian serta mendapat kebenaran dari Jabatan Galian.
4. Mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perhutanan bahawa kawasan tersebut tidak dapat mengeluarkan kayu-kayan bermutu tinggi.
5. Terdapat kemudahan perhubungan seperti jalanraya.
6. Sesuai dari segi topografi untuk pertanian.

Sehingga akhir 30hb Jun 1984 FELDA telah / sedang memajukan seluas 654,583 hektar (1,617,507 ekar) tanah di 387 rancangan untuk pertanian dan bandar / penempatan seperti berikut:-

University of Malaya

JADUAL 2.2

PEMBANGUNAN TANAH - Sehingga 30hb Jun 1984

LUAS HEKTAR

| Negeri | Bil Ran | Sawit | Getah | Koko | Tebu | Kaw. Bandar/ Perkampungan | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pahang | 144 | 188,604 | 49,458 | 8,416 | - | 16,982 | 263,460 | 40.2 |
| Johor | 71 | 93,008 | 27,652 | 3,480 | - | 8,153 | 132,293 | 20.2 |
| N.Sembilan | 51 | 20,836 | 68,588 | - | - | 5,809 | 95,233 | 14.5 |
| Trengganu | 21 | 31,448 | 5,660 | - | - | 1,950 | 39,058 | 6.0 |
| Sabah | 23 | 26,738 | - | 6,100 | - | 1,333 | 34,180 | 5.2 |
| Perak | 17 | 17,529 | 12,324 | - | - | 1,750 | 31,603 | 4.8 |
| Kelantan | 15 | 19,053 | 2,499 | - | - | 1,744 | 23,296 | 3.6 |
| Kedah | 11 | 283 | 11,309 | - | 1,123 | 783 | 13,498 | 2.1 |
| Selangor | 6 | 6,394 | 3,483 | - | - | 709 | 10,586 | 1.6 |
| Perlis | 3 | - | 1,877 | - | 3,995 | 434 | 6,306 | 1.0 |
| Melaka | 5 | - | 4,746 | - | - | 324 | 5,070 | 0.8 |
| Jumlah | 3367 | 403,893 | 187,596 | 18,005 | 5,118 | 39,971 | 654,583 | 100.0 |
| Peratus | | 61.7 | 28.6 | | 0.8 | 6.1 | 100.0 | |

Sumber: Ibu Pejabat FELDA

University of Malaya

FELDA telah benar-benar dapat menjalankan matlamatnya sebagai sebuah badan yang membuka dan mentadbir tanah-tanah rancangan. Contohnya matlamat asal pembangunan tanah bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 1985) ialah 149,800 hektar atas kadar 29,960 hektar setahun. Di dalam kajian separuh Penggal Rancangan Keempat, kerajaan telah meminda matlamat pembangunan tanah bagi FELDA dari 149,800 hektar kepada 161,581 hektar iaitu tambahan sebanyak 11,781 hektar atau lebih kurang 8%. Adalah dijangka matlamat yang dipinda ini akan dapat dicapai menjelang akhir tahun 1985 nanti.

JADUAL 2.3

PEMBANGUNAN TANAH: RME (HEKTAR)

| is aman | Matlamat RME | | Pencapaian Sebenar | | | Dirancang | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Asal | Pindaan Kajian Separoh Penggal | 1981 | 1982 | 1983 | 1984 | 1985 | |
| wit | 60.170 | 112,320 | 27,623 | 23,359 | 19,817 | 22,278 | 19,432 | 112,569 |
| tah | 53,163 | 35,887 | 8,863 | 6,333 | 9,104 | 4,944 | 8,288 | 37,532 |
| ko | 29,360 | 4,927 | 815 | 1,893 | - | 1.179 | 1,040 | 4,927 |
| rkam-ngan | 7,107 | 8,447 | 1,428 | 1,503 | 2,268 | 1,037 | 2,195 | 8,431 |
| mlah: | 149,800 | 161,581 | 38,729 | 33,088 | 31,189 | 29,438 | 31,015 | 163,459 |
| mlah rkumpul: | | | 38,729 | 71,817 | 103,006 | 132,444 | 163,459 | - |
| ratus rkumpul | | 100.0 | 24.0 | 44.5 | 63.7 | 82,0 | 101.2 | |

Data diperolehi dari Ibu Pejabat FELDA

University of Malaya

Program Pembangunan FELDA dalam tahun 1984/1985 ialah seluas 31,015 hektar dijadualkan untuk dimajukan dan pecahan mengikut negeri dan kegunaan tanah adalah seperti berikut:-

JADUAL 2.4

PROGRAM PEMBANGUNAN 1984/1985

| Negeri | LUAS KAWASAN TANAMAN (HEKTAR) | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Sawit | Getah | Koko | Jumlah | Kampung/ Bandar | Jumlah Besar | % |
| Pahang | 9,847 | 3,949 | 1,040 | 14,836 | 800 | 15,636 | 50.4 |
| Kelantan | 2,932 | 1,613 | - | 4,511 | 210 | 4,761 | 15.4 |
| Johor | 2,826 | 264 | - | 3,090 | 560 | 3,650 | 11.7 |
| Selangor | 1,960 | - | - | 1,960 | 315 | 2,275 | 7.3 |
| Perak | 912 | 505 | - | 1,417 | 310 | 1,727 | 5.6 |
| N.Sembilan | 467 | 833 | - | 1,300 | - | 1,300 | 4.2 |
| Trengganu | 548 | 411 | - | 959 | - | 959 | 3.1 |
| Kedah | - | 691 | - | 691 | - | 691 | 2.2 |
| Melaka | - | 16 | - | 16 | - | 16 | 0.1 |
| Jumlah: | 19,492 | 8,288 | 1,040 | 28,820 | 2,195 | 31,015 | 100 |
| Peratus | 62.8 | 26.7 | 3.4 | 92.9 | 7.1 | 100 | |

Data diperolehi dari Ibu Pejabat FELDA

University of Malaya

FELDA telah juga memainkan peranan penting dalam menentukan penempatan peneroka dan selalunya FELDA telah cuba sedayaupaya untuk menjadi penempatan peneroka sesuai sebagai sebuah keadaan perkampungan. Menurut polisinya perkampungan FELDA mesti ditempatkan di tengah-tengah kawasan rancangan supaya kawasan kebun tanaman peneroka tidak jauh dari kawasan perkampungan, tetapi selalunya cara ini tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan topografi, kesuburan tanah, bekalan air dan sebagainya. Kawasan perkampungan seterusnya selain daripada mempunyai rumah-rumah peneroka, dikehendaki juga mempunyai beberapa kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan peneroka. (Lihat Lampiran).

Sehingga 30hb Jun 1984 FELDA telah menempatkan seramai 84,265 keluarga peneroka di 227 rancangan. Kedudukan bilangan peneroka mengikut negeri dan jenis tanaman adalah seperti berikut:-

JADUAL 2.5

PENEMPATAN PENEROKA

| Negeri | Bil Ran | Sawit | Getah | Tebu | Koko | Jumlah | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pahang | 86 | 25,682 | 8,043 | - | 172 | 33,897 | 40.2 |
| Johor | 53 | 13,199 | 6,740 | - | - | 19,939 | 23.7 |
| N. Sembilan | 34 | 1,887 | 11,278 | - | - | 13,165 | 15.6 |
| Trengganu | 18 | 4,022 | 1,296 | - | - | 5,318 | 6.3 |
| Perak | 11 | 1,734 | 2,367 | - | - | 4,101 | 4.9 |
| Selangor | 4 | 1,156 | 939 | - | - | 2,095 | 2.5 |
| Kedah | 8 | - | 2,660 | - | - | 2,660 | 3.2 |
| Melaka | 5 | - | 1,328 | - | - | 1,328 | 1.6 |
| Kelantan | 6 | 1,229 | - | - | - | 1,229 | 1.4 |
| Perlis | 2 | - | 86 | 447 | - | 533 | 0.6 |
| Jumlah | 277 | 48,909 | 34,737 | 447 | 172 | 84,265 | 100 |
| Peratus | | 58,0 | 41,2 | 0.54 | 0.3 | 100.00 | |

Berdasarkan kepada purata 6 ahli sekeluarga, adalah dianggarkan kira-kira setengah juta anggota keluarga peneroka berada di rancangan-rancangan FELDA.

Data diperolehi dari Ibu Pejabat FELDA

## 2.5 SUMBER KEWANGAN

Untuk melancarkan segala usaha memajukan tanah, Felda memerlukan sumber kewangan. Pengetahuan teknik, tanah dan lain-lain tidak dapat menghasilkan apa-apa tanpa kewangan. Dengan itu Felda telah diberi kuasa di bawah seksyen 12 undang-undang Kemajuan Tanah untuk meminjamkan wang supaya dapat menjalankan tugas-tugasnya yang termaktub dalam undang-undang tersebut.

Felda mendapat bantuan kewangan dari kerajaan pusat, badan berkanun antarabangsa (bank) dan negara-negara asing. Sumber bantuan kewangan ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian:-

a) Bantuan kewangan daripada kerajaan pusat, bantuan kewangan secara langsung ini diberi oleh kerajaan pusat tiap-tiap tahun. Bantuan ini tidak dipunggut kembali oleh kerajaan pusat. Bantuan ini digunakan untuk:-

i) Untuk pembayaran gaji kepada semua kakitangan Felda.

ii) Membeli dan menjaga jentera dan alat-alat termasuk kenderaan.

iii) Pembinaan dan penjagaan rumah-rumah kakitangan dan bangunan pejabat Felda.

iv) Pembelian dan penjagaan dan lain-lain kelengkapan.

b) Bantuan kewangan sebagai pinjaman yang didapati daripada kerajaan pusat, bank-bank antarabangsa dan negara-negara asing. Wang pinjaman ini dikenakan faedah dan dibayar balik kepada badan-badan yang memberi pinjaman tersebut. Wang pinjaman ini digunakan untuk kerja-kerja pembangunan seperti berikut:-

i) Belanja membuka dan menjaga kawasan tanaman getah, kelapa sawit hingga mengeluarkan hasil.

University of Malaya

ii) Belanja membina rumah-rumah peneroka dan menyediakan kawasan kediaman dan perkampungan.

iii) Pinjaman secara langsung kepada peneroka-peneroka untuk memberi sarahidup sekurang-kurang $69.90 sebulan pada tiap-tiap peneroka sebelum tanaman mengeluarkan hasil.

Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh FELDA sehingga 30hb Jun 1984 ialah $4.236 billion, 69.11% daripadanya merupakan pinjaman dan bakinya 30.89% adalah 'grant'
Sumber-sumber dan jumlah wang yang dikeluarkan adalah seperti berikut:-

JADUAL 2.6

SUMBER DAN KELUARAN WANG FELDA SEHINGGA JUN 1984

| Sumber | Jumlah Pengeluaran sehingga tahun 1983 ($) | Jumlah Pengeluaran Tahun 1984 (Jan-Jun 1984) ($) | Jumlah Pengeluaran sehingga 30hb Jun 1984 ($) | % |
|---|---|---|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | 3,532,227,177 | 286,785,331 | 3,819,012,508 | 90.0 |
| Melalui K'jaan Persekutuan | | | | |
| Bank Dunia | 295,167,954 | 17,982,522 | 313,150,476 | 7.4 |
| Bank Pembangunan Asia | 6,873,607 | - | 6,873,607 | 0.2 |
| Tabung Koperasi Ekonomi Seberang Laut(OECF) | 27,569,271 | - | 27,569,271 | 0.7 |
| Tabung Kuwait (KFAED) | 23,330,195 | 1,606,237 | 24,936,432 | 0.6 |
| Tabung Saudi (SFD) | 26,265,889 | 3,060,006 | 29,352,895 | 0.7 |
| Bantuan Penanaman Baru | 13,480,052 | - | 13,480,052 | 0.3 |
| Bantuan Penanaman Getah (Tanam Semula) | 2,110,115 | 294,420 | 2,404,535 | 0.1 |
| Jumlah | 3,927,024,260 | 309,728,516 | 4,236,752,776 | 100 |

Data diperolehi dari Ibu Pejabat FELDA

University of Malaya

Sementara itu bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), peruntukan bagi pembangunan yang telah diluluskan kepada FELDA selepas Kajian Separuh Penggal berjumlah $2,107,15 juta.

JADUAL 2.7

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DIPINDA

BAGI TEMPOH RME

| Butiran | Peruntukan Yang Diluluskan |
|---|---|
| i) Kemudahan Pengurusan | $ 239,800,000 |
| ii) Pembangunan Utama | $ 1,370,310,000 |
| iii) Jalan-Jalan FELDA | $ 353,890,000 |
| iv) Bekalan Air | $ 130,160,000 |
| v) Kemudahan Sosial | $ 12,990,000 |
| Jumlah: | $ 2,107,150,000 |

Data diperolehi dari Ibu Pejabat FELDA.

Selain dari peruntukan bagi pembangunan berjumlah $2,107,000 FELDA juga menerima peruntukan 'bekalan' bagi membiayai kemudahan rumah-rumah ibadat dan belanja mengurus. Peruntukan ini adalah pemberian tahunan dan tidak termasuk di dalam peruntukan pembangunan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

Peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1984 termasuk peruntukan 'bekalan' ialah sebanyak $559.2 juta dan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 1985 berjumlah $532,034,142. Pecahan peruntukan mengikut program dan aktiviti adalah seperti berikut:-

JADUAL 2.8

PERUNTUKAN BELANJAWAN TAHUN-TAHUN 1984 DAN 1985

| Butiran | Peruntukan Tahun 1984 Yang Diluluskan | Peruntukan Tahun1985 Yang Diluluskan |
|---|---|---|
| a) PEMBANGUNAN | | |
| i) Kemudahan Pengurusan | 25,137,190 | 26,325,950 |
| ii) Pembangunan Utama | 297,951,610 | 277,894,012 |
| iii) Jalan-Jalan | 70,000,000 | 50,000,000 |
| iv) Bekalan Air | 30,000,000 | 20,000,000 |
| v) Kemudahan Sosial | 1,911,200 | 2,003,400 |
| Jumlah | 425,000,000 | 376,223,362 |
| b) BEKALAN | 134,248,400 | 155,810,780 |
| JUMLAH BESAR: | 559,248,400 | 532,084,142 |

Data diperolehi dari lbu Pejabat FELDA.

University of Malaya

## 2.6 PENEROKA

### a. Pemilihan Peneroka

Mereka yang hendak meneroka rancangan Felda mestilah mempunyai syarat-syarat berikut:-

a) Warganegara Malaysia atau Rakyat Negeri.
b) Sudah berkahwin, keutamaan diberi kepada yang sudah mempunyai anak.
c) Tidak memiliki tanah atau memiliki tanah tetapi kurang dari dua ekar.
d) Mereka yang mempunyai latarbelakang pertanian, keutamaan diberi kepada yang mempunyai kemahiran tambahan.
e) Tidak ada rekod jenayah.
f) Sihat tubuh badan dan sempurna segala anggota dan fikiran supaya dapat bekerja dengan tekun.
g) Sanggup mematuhi syarat-syarat memasuki dan persatuan-persatuan di dalam Rancangan Kemajuan Tanah.

Permohonan-permohonan untuk menjadi peneroka mestilah dibuat melalui Pegawai Daerah tempatan. Pemilihan dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa yang mengandungi wakil-wakil kerajaan negeri yang berkenaan dan Pegawai Felda, satu kiraan markah akan digunakan dalam pemilihan peneroka.

### b. Kewajipan Peneroka apabila memasuki Rancangan Kemajuan Tanah

Apabila memasuki rancangan, peneroka adalah wajib mematuhi syarat-syarat berikut:-

a) Tinggal tetap di dalam rancangan.
b) Menurut peraturan yang telah ditetapkan oleh Felda dan pengurus rancangan mengenai tugas-tugas dan tanggunjawab mengenai kawasan pertanian dan kawasan rumah.

c) Bersetuju membayar kembali wang pinjaman dan pembayaran bagi memajukan rancangan serta dengan faedah yang dikenakan.

d) Penyertaan yang giat dalam pembinaan hidup bermasyarakat dalam rancangan.

Kesemuanya ini terkandung dalam surat perjanjian yang ditandatangani apabila peneroka masuk ke rancangan.

c. Sistem kerja untuk Peneroka

i) Rancangan Tanaman Getah

Setiap peneroka-peneroka masuk ke rancangan mereka telah dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kerja yang mengandungi 10 - 15 orang pada tiap-tiap kumpulan. Tiap-tiap kumpulan diberi tugas menjaga tanaman getah seperti merumput, mengawal binatang yang merosakkan tanaman, membaja dan pengawasan umum dalam satu kawasan yang luas kira-kira 80 - 120 ekar. Sistem ini mempunyai 2 fungsi iaitu oleh kerana kebanyakan peneroka tidak mempunyai pengalaman dalam menanam getah dengan cara yang baik, maka sistem ini memberi mereka peluang untuk melatih diri mereka. Dengan adanya susunan teratur ini, kerja-kerja untuk menyelia dan menunjuk ajar kepada peneroka dapat dijalankan dengan mudah oleh Pegawai Rancangan.

ii) Rancangan Kelapa Sawit

Peneroka-peneroka dalam rancangan kelapa sawit tidak diberi milik masing-masing, ini disebabkan oleh kerana keadah pengeluaran kelapa sawit adalah berbeza dari getah. Cara memproses buah kelapa sawit mesti diselaraskan dengan pemungutannya. Kerja-kerja memungut perlu penyeliaan rapi untuk menjaminkan buah kelapa sawit yang masak sahaja di bawa ke kilang dan keadaannya sesuai untuk diproses. Dengan

cara ini tanaman moden yang besar pada kilang-kilang tersebut adalah berpatutan dan mutu keluaran terbaik mesti dijamin.

Sistem bekerja dalam rancangan kelapa sawit, sebelum ia mengeluarkan hasil tidak berbeza dari rancangan getah. Tetapi apabila hasil telah dipungut, cara bekerja ialah mengikut kumpulan kerja tertentu. Peneroka-peneroka akan dibahagikan kepada kumpulan kerja mengikut kemahiran dan kecekapan mereka. Dengan itu tiap-tiap satu kumpulan itu akan khusus membuat satu jenis pekerjaan sahaja.

iii) Kerja-kerja di luar kawasan getah/kelapa sawit

Di luar waktu kerja yang ditetapkan untuk kawasan getah/kawasan kelapa sawit, maka peneroka-peneroka digalakan menanam sayuran atau tanaman jangkapendek yang lain, di kawasan tapak rumah yang luasnya 1/4 ekar itu. Melalui cara ini dapatlah mereka menjimatkan belanja. Jika mereka mempunyai kesanggupan untuk berusaha lebih, bolehlah juga mereka usahakan kawasan lain di rancangan seperti menanam padi di paya dan tanah lembah dan tempat-tempat yang dibenarkan.

d. Bantuan kewangan kepada peneroka-peneroka sebelum tanaman mengeluarkan hasil

Peneroka-peneroka bertanggunjawab dalam menjaga dan mengawasi tanaman getah/kelapa sawit dan kawasan rumah sebaik sahaja mereka memasuki rancangan. Pihak rancangan akan menyediakan jadual kerja yang mesti diikuti oleh peneroka-peneroka. Peneroka-peneroka akan diberi bantuan kewangan berupa bantuan sarahidup sebanyak $2.90 untuk satu hari setelah menunaikan kerja. Tiap-tiap peneroka ditetapkan bekerja selama 24 hari dalam sebulan ataupun jumlah bantuan sebanyak $69.90 sebulan dengan syarat ia menyiapkan kerja yang telah ditentukan.

Apabila seorang peneroka jatuh sakit dan tidak dapat bekerja ia akan diberi bantuan sakit sebanyak $2.90 sehari. Peneroka tersebut tidak boleh mendapat lebih daripada $50.00 sebulan sebagai bantuan sakit.

e. Pinjaman pada peneroka dan pembayaran balik pinjaman

Tiap-tiap pinjaman kepada peneroka oleh Felda dan termasuk harga perbelanjaan memajukan kebun tanaman getah/kelapa sawit/kopi/ tebu, perbelanjaan menyediakan tapak rumah dan perbelanjaan membina rumah serta jumlah bantuan sarahidup dan bantuan sakit yang diberi semasa tanaman belum mengeluarkan hasil.

Daripada pendapatan kasar yang diperolehi daripada kebun getah atau kelapa sawit akan ditolak perbelanjaan-perbelanjaan berikut:-

i) Perbelanjaan memajukan tanah dan pinjaman lain.

ii) Perbelanjaan memproses, mengangkut dan pemasaran.

iii) Bayaran tahunan yang dipersatukan dan dibayar kepada kerajaan negeri.

Selain daripada bayaran ini peneroka akan juga dikehendaki membayar belanja penjagaan berterusan selepas tanaman baharu, seperti membayar dan mencegah penyakit serta mengawal binatang-binatang yang merosakkan pokok. Baka selepas menolak semua perbelanjaan di atas ialah pendapatan bersih peneroka.

Jangka waktu untuk membayar balik hutang akan bergantung kepada jumlah hutang, kadar faedah dan tingkat harga tanaman. Di bawah sistem pembayaran balik, tempuh membayar balik untuk rancangan getah telah ditetapkan kepada 15 tahun dan kelapa sawit 12 tahun. Pembayaran balik bagi rancangan getah akan bermula pada awal tahun kelapan, selepas getah ditanam dan kelapa sawit pula pada tahun keenam.

Felda mengenakan kadar faedah sebanyak 6 1/4% tiap-tiap tahun atas hutang-hutang peneroka.

Pendapatan Peneroka

Pendapatan bersih (setelah ditolak bayaran balik pinjaman pembangunan, bayaran kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, kos baja dan penyelenggaraan ladang) purata bulanan di rancangan-rancangan yang telah berhasil adalah memuaskan. Pendapatan bersih purata bulanan peneroka bagi tahun-tahun 1982 dan 1983 dan lima bulan tahun 1984 adalah seperti barikut:-

JADUAL 2.9

PENDAPATAN PURATA BERSIH PENEROKA
($ SEBULAN)

| | 1982 | 1983 | 1984(Jan - Mei) |
|---|---|---|---|
| Sawit | 624 | 765 | 1,346 |
| Getah | 402 | 484 | 579 |
| Tebu | 280 | 335 | 505 |

Data diperolehi dari Ibu Pejabat Felda.

Peneroka digalakan menyimpan dan melabur sebahagian daripada pendapatan mereka dalam Bank Simpanan National dan Amanah Saham Nasional. FELDA telah juga menubuhkan Koperasi Permodalan FELDA khusus untuk menggalakan pelaburan peneroka dalam Perbadanan-Perbadanan FELDA.

2.7 KHIDMAT PEMBANGUNAN FELDA

Felda juga mengadakan beberapa kemudahan yang secara langsung digunakan untuk membantu peneroka menerima pendapatan yang maksima daripada hasil-hasil ladang mereka. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah 26 kilang sawit, 4 kilang getah, sebuah kilang koko, sebuah kilang penapis gula yang dipunyai bersama dengan sebuah syarikat swasta dan tempat penyimpan minyak sawit dan susu getah.

Felda telah menubuhkan Perbadanan dan 5 buah Syarikat Usahasama yang menjalankan berbagai kegiatan yang diperlukan dalam pembangunan Felda. Perbadanan-perbadanan dan Syarikat Usahasama ini adalah merupakan sebahagian lagi daripada khidmat 'serba lengkap' pembangunan Felda. Perbadanan-perbadanan ini mempunyai hakikat seperti di bawah:-

a) Perbadanan ini dikelolakan oleh Lembaga masing-masing yang menentukan dasar perjalanannya.
b) Modal Perbadanan ini terdiri dari Pelabuhan Felda dan peneroka.
c) Perbadanan ini adalah persediaan dari Felda dan mempunyai corak perjalanan lain dengan badan-badan berkanun.

Perbadanan Pemasaran atau Felma bertugas untuk menguruskan pemasaran hasil pertanian Felda. Felda Angkut pula memberi khidmat pengangkutan untuk minyak sawit, getah dan tebu. Perbadanan Niaga Felda membekalkan khidmat-khidmat dan barang runcit kepada peneroka. Perbadanan Khidmat Pertanian mengadakan buruh dan khidmat pertanian untuk rancangan Felda. Perbadanan Keselamatan atau Felsco pula membaiki khidmat keselamatan untuk Felda dan perbadanan kilang atau Felmill mengendalikan kilang-kilang sawit dan getah Felda. Perbadanan Binaan pula yang ditubuhkan pada 11hb Julai 1980, untuk menjalankan kerja-

kerja dalam lapangan pertanian, pembinaan, operasi jentera-jentera berat dan bengkel-bengkel. Lima buah Syarikat Usahasama Felda ialah Syarikat Kilang Gula Felda Perlis Sdn. Bhd., Syarikat Felda Johore Bulkers Sdn. Bhd., Syarikat Felda Oil Production Sdn. Bhd., Syarikat FPM Sdn. Bhd. Malaysian Cocoa Manufacturing Sdn. Bhd.

University of Malaya

JADUAL 2.10

PERBADANAN-PERBADANAN FELDA

| PERBADANAN | TAHUN DITUBUH KAN | MODAL DIBAYAR ($ JUTA) | EKUITI FELDA (%) | BIDANG KEGIATAN BIDANG KEGIATAN |
|---|---|---|---|---|
| NIAGA | 1972 | 7.0 | 51 | PERNIAGAAN RUNCIT |
| PEMASARAN | 1974 | 4.5 | 70 | PEMASARAN SAWIT, GETAH DAN KOKO |
| PENGENDALIAN SUSU GETAH | 1974 | 2.0 | 50 | PENYIMPANAN SUSU GETAH |
| ANGKUT | 1975 | 3.5 | 51 | PENGANGKUTAN MINYAK SAWIT DAN SUSU GETAH |
| KILANG | 1975 | 92.0 | 77 | PEMEROSESAN SAWIT, GETAH DAN KOKO |
| KESELAMATAN | 1976 | 0.7 | 100 | KHIDMAT KESELAMATAN |
| PERTANIAN | 1978 | 2.4 | 51 | KHIDMAT TEKNIK PERTANIAN |
| BINA | 1980 | 3.0 | 51 | PEMBANGUNAN PERTANIAN DAN KEJURUTERAAN |
| JUMLAH | | 115.1 | | |

Data diperolehi dari lbu Pejabat FELDA.



University of Malaya

JADUAL 2.11

SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA

| Syarikat Usahasama | Tahun Ditubuh | Modal Dibayar ($ Juta) | Ekuiti Felda (%) | Kegiatan |
|---|---|---|---|---|
| Kilang Gula FELDA Perlis Sdn. Bhd. | 1971 | 12 | 50 | Pemerosesan dan penapisan gula |
| FELDA Johor Bulkers Sdn. Bhd. | 1974 19 | 13 | 60 | Penyimpanan minyak sawit |
| FELDA Oil Product Sdn. Bhd. | 1975 | 18 | 66 | Penapisan minyak sawit |
| FPM Sdn. Bhd. | 1980 | 10 | 40 | Pengeluaran baja |
| MCM Sdn. Bhd. | 1980 | 15 | 51 | Pemerosesan dan pengeluaran koko |
| FS Oil Sdn. Bhd. | 1981 | 5 | 100 | Pemerosesan dan pengeluaran bahan makanan berdasarkan minyak sawit |
| Jumlah | | 73 | | |

Data diperolehi dari Ibu Pejabat FELDA.

## 2.8 JAWATANKUASA KEMAJUAN RANCANGAN (JKKR)

JKKR diujudkan dengan tujuan mengadakan satu sistem perwakilan peneroka-peneroka berbentuk demokrasi - melalui susunlapis perwakilan JKKR di Rancangan, Gabungan Wilayah dan Gabungan Nasional, peneroka-peneroka diwakili di semua peringkat di mana dasar-dasar dibentuk dan keputusan-keputusan diambil. Penglibatan dan penyertaan peneroka dalam Tadbiran Felda di semua peringkat dapat dilaksanakan melalui susunlapis yang ada. Tugas dan tanggunjawab JKKR disemua peringkat dapat dirangkumkan seperti berikut:-

- Untuk merancangkan,melaksanakan, mengawas serta menilai kegiatan dan

projek yang dianjurkan untuk faedah dan kemajuan masyarakat rancangan.

- Memajukan usaha peneroka untuk pembangunan rancangan dari segi ekonomi, kemasyarakatan, keugamaan dan sebagainya.
- Menggalakan penyertaan peneroka-peneroka dalam sistem demokrasi bagi mentadbir hal yang berhubung dengan keperluan dan kepentingan masyarkatan rancangan.
- Merapatakan perhubungan dan kerjasama di antara peneroka dengan peneroka dan peneroka dengan pegawai-pegawai rancangan.
- Memberi latihan kepada ahli-ahli masyarkat rancangan tentang cara-cara tadbiran dan pengerusan rancangan mereka.
- Mengatasi dan menyelesaikan masalah yang timbul di dalam rancangan dengan cara-cara yang bijak dan teratur melalui perundingan dan permuafakatan.
- Membina masyarakat rancangan yang teguh dan yang mengutamakan nilai-nilai baru yang membawa kepada kemajuan dan kesejahteraan.
- Mengatur usaha bagi megujudkan masyarkat peneroka yang takwa dan beriman kepada Allah S.W.T.

Pengalaman telah mengajar bahawa adalah lebih mudah jika memimpin kumpulan yang kecil bilangannya selaras dengan ini perwakilan di dalam telah dibentuk mengikut sistem blok. Melalui sistem blok yang mengandungi 12/20/24 rumah dalam satu blok, diharapkan suara setiap peneroka akan dapat disampaikan ke semua peringkat dari peringkat blok ke peringkat JKKR rancangan membawanya ke Gabungan JKKR dan seterusnya ke Gabungan JKKR nasional.

2.9 PERWAKILAN JKKR PERINGKAT RANCANGAN

Perwakilan ke dalam JKKR Rancangan melalui tiga cara:-

1. Ketua Blok.
2. Wakil tertentu ialah:-
   - i) Pengerusi Belia
   - ii) Pengerusi Persatuan Wanita
   - iii) Polis
3. Wakil Atas Undangan iaitu:-
   - i) Guru Besar Sekolah dalam rancangan.
   - ii) lmam Masjid rancangan.

Ketua blok merupakan ketua-ketua dari tiap-tiap blok penempatan peneroka yang dipilih oleh peneroka melalui sistem undian. lni adalah sejajar dengan tujuan penubuhan JKKR untuk melatih dan melibatkan peneroka di dalam pentadbiran dan pengurusan Felda telah meletakkan wakil-wakil peneroka di dalam Lembaga Felda dan Lembaga Perbadanan-Perbadanan Felda. Mereka yang dilantik sebagai ketua-ketua blok adalah jiran tetanga, sahabat dan kawan peneroka-peneroka yang berada dirancangan itu. (Lihat Lampiran).

Syarat-syarat ketua blok ialah:-

1. Mesti pandai menulis dan membaca.
2. Sudah menandatangani perjanjian Felda/peneroka.
3. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib dalam tempuh 6 bulan sebelum tarikh pencalunan.
4. Bermastautin tetap di rancangan.
5. Mempunyai dan mengusahakan kawasan ladang dan kawasan rumah supaya bersih dan dijaga.

University of Malaya

6. Sentiasa patuh pada peraturan-peraturan Felda.

Satu badan penapis yang dianggotai oleh Pengurus Rancangan, Guru Besar dan Ketua Polis di rancangan akan ditugaskan untuk menapis kelayakan calun-calun yang dicadangkan.

## 2.10 GABUNGAN JKKR WILAYAH

Perbincangan yang diadakan oleh JKKR rancangan kadangkala tidak dapat menyelesaikan masalah dan cadangan yang ditimbulkan. Sejajar dengan inilah maka pentadbiran Felda telah menganjurkan penubuhan Gabungan JKKR Wilayah di semua Wilayah. Naib Pengerusi JKKR rancangan telah diletakkan sebagai ahli Gabungan JKKR yang akan mengemukakan masalah dan idea-idea yang dirumuskan melalui mesyuarat rancangan.

Tujuan ditubuhkan badan ini ialah supaya dapat mengukuhkan perpaduan dan kerjasama di antara JKKR di semua rancangan pada satu-satu peringkat Wilayah serta menjadi satu Majlis Tertinggi bagi mengemblingkan fikiran,usaha dan tenaga peneroka ke arah pencapaian matlamat ekonomi dan sosial di rancangan Felda, serta memberi kesempatan kepada peneroka-peneroka mendapatkan latihan dan pengalaman dengan pembangunan Felda, seterusnya menjadi salah satu badan perhubungan dan perundingan di antara ketua-ketua peneroka dengan pentadbiran Felda. Untuk menyusun, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang bercorak ekonomi, pendidikan dan latihan dan dapat memberi menafaat kepada masyarakat peneroka di peringkat Wilayah.

## 2.11 GABUNGAN JKKR NASIONAL

Penubuhan Gabungan JKKR Wilayah dirasakan masih belum mencukupi untuk melibatkan peneroka-peneroka Felda di dalam pembangunan Felda amnya. Bagi tujuan itulah, maka Felda telah bersetuju semua Gabungan

JKKR Wilayah disatukan di dalam Gabungan JKKR Nasional. Naib Pengerusi dan Naib Setiausaha Gabungan ini bersama Pengawal Wilayah bersama-sama dengan Pegawai-Pwgawai Kanan Felda seperti Pengarah Besar Felda, Timbalan Pengarah Besar Felda, Semua Pengawal Wilayah dan semua Pengarah Operasi mengadakan perbincangan tiga bulan.

## 2.12 BIRO-BIRO

Biro-biro ditubuhkan untuk menyelaraskan kegiatan peneroka di satu-satu rancangan dan juga Wilayah. Penyelarasan boleh dibuat jika ada pertemuan dan perbincangan. Segala kegiatan dan masalah badan-badan lain adalah diselaraskan oleh Biro-biro JKKR yang empat - Biro Ladang, Biro Ekonomi, Biro Latihan dan Pelajaran dan Biro Sosial dan Kemasyarakatan.

Tugas-tugas yang diselaraskan oleh tiap-tiap biro ini dapat dirangkumkan di bawah:-

Biro Ladang tugasnya ialah:-

- mengawasi jawatankuasa ladang.
- mengawasi jawatankuasa pusat mengumpul getah.
- mentadbir badan tenaga pertanian.

Biro Ekonomi pula berperanan:-

- mengadakan koo untuk kepentingan peneroka dan rancangan.
- mengadakan jawatankuasa untuk peniaga-peniaga kecil.

Biro Pelajaran dan Latihan tugasnya ialah:-

- menguasai jawatankuasa Tadika.
- membentuk jawatankuasa pelajaran yang bakal mengawal mutu pelajaran pelajar-pelajar di sekolah, mengadakan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar dan mengadakan perpuetakaan

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
PERPUSTAKAAN

di rancangan.

- mengawal persatuan Ibubapa/Guru.
- jawatankuasa Sekolah Agama.

Biro Sosial dan Kemasyarakatan.

- menganggotai jawatankuasa Perancangan Keluarga dan Kesihatan.
- mengadakan badan-badan kesenian seperti mengadakan kumpulan nasyid, kompang dan silat.
- badan-badan kebajikan seperti mengadakan Persatuan Pengakap, Bulan Sabit Merah dan sebagainya.
- mengujudkan badan agama untuk menyelaraskan hal-hal keagamaan dalam rancangan.

Biro-biro ini menjalankan kegiatan berdasarkan keputusan-keputusan JKKR dan di peringkat Wilayah dan Gabungan JKKR Wilayah.

University of Malaya

BAB III

## LATARBELAKANG RANCANGAN TANAH FELDA AIR HITAM

### 3.1 Latarbelakang Rancangan Tanah Felda Air Hitam

Rancangan Tanah Felda Air Hitam terletak di antara 2 buah pekan utama di Johor Tengah, iaitu kira-kira 8 kilometer dari Bandar Kluang dan 6 kilometer dari pekan Air Hitam. (Lihat Lampiran). 'Ianya adalah di bawah pengawasan Pejabat FELDA Wilayah Johor Tengah yang beribu pejabat di Kluang. Pada awalnya kawasan rancangan ini dipunyai oleh syarikat swasta - "Syarikat membuka dan menduduki Tanah Baru 'dan dibuka pada tahun 1958, telah membeli tanah tersebut dan bertujuan untuk menjualkannya kepada pemegang-pemegang sahamnya dan mereka akan membayarnya secara tunai mahupun secara ansuran. Ramai dari pemegang-pemegang saham terdiri daripada golongan miskin. Kebetulan pada ketika itu, FELDA telah ditubuhkan melalui 'Land Development Ordinance' pada tahun 1956, dengan antara lain tujuannya,

"to promote and assist the investigation, formulation and carrying out of projects for the development and settlement of land in the Federation". (Tunku Shamsul Baharin, 1974:4).

Kawasan tersebut akhirnya diambilalih oleh FELDA pada tahun 1960, setelah beberapa kali perundingan diadakan dan melalui persetujuan kedua-dua belah pihak terutama pemegang-pemegang saham.

Rancangan ini merupakan sebuah rancangan penanaman getah dan keluasannya adalah 1725 hektar dengan menampung 336 buah keluarga bangsa Melayu, terdiri dari berbagai rumpun seperti Jawa dan Banjar.

Rancangan tersebut terbahagi kepada 4 peringkat, di mana 3 peringkat mempunyai penempatan peneroka sementara peringkat 4 merupakan tanah Rezab. (Lihat Lampiran). Atas persetujuan FELDA dan peneroka-peneroka tanah rezab tersebut yang sepatutnya menjadi tanah dusun telah ditanam getah dan mula mengeluarkan hasil pada tahun ini.

JADUAL 3.1

LUAS KAWASAN YANG DIUSAHAKAN DI RANCANGAN INI

| Peringkat | Perimeter keluasan ladang (hektar) | Perimeter keluasan yang ditanam getah (hektar) | Jumlah peneroka |
|---|---|---|---|
| 1 | 421 | 367 | 121 |
| 2 | 410 | 353 | 105 |
| 3 | 373 | 336 | 110 |
| 4 | 422 | 186 | - |
| Jumlah | 1626 | 1242 | 336 |

Kawasan Perkampungan - 99 hektar.
Sumber:- Pejabat FELDA Air Hitam.

Setiap peneroka menerima (keluasan tanah)

| | | |
|---|---|---|
| i. | Tanah Kebun Getah | 8 ekar |
| ii. | Tanah Kebun (Dusun) | 1.5 ekar |
| iii. | Tapak rumah | 0.25 (1/4) ekar |
| | Jumlah | 9.75 ekar |

Menurut peneroka-peneroka yang ditemuduga, pada peringkat awal kemasukan mereka, rumah-rumah telah disediakan, getah telah ditanam setinggi 1 kaki. Tugas mereka pada masa itu hanya menjaga pokok-pokok

getah, membaiki lorong-lorong ke kebun getah, jambatan dan sebagainya. Terdapat juga 'roll-call' pada tiap-tiap pagi iaitu pada jam 6 pagi dan displin adalah begitu ketat, tetapi apabila getah mula mengeluakan hasil, 'roll-call'dan displin telah dilonggarkan, akhirnya 'roll-call' telah dihapuskan.

Oleh kerana pada peringkat awal ini belum terdapat penghasilan, maka untuk memastikan kehidupan peneroka-peneroka berjalan dengan baik, mereka menerima pinjaman sebanyak $60.00 sebulan sebagai 'Wang galakan'. Ini kemudiannya akan dikira sebagai hutang peneroka kepada FELDA selain daripada hutang pembangunan pertanian, pinjaman tunai, penyediaan tapak, rumah peneroka dan sebagainya.

3.2 KEDUDUKAN FIZIKAL LADANG

Ladang getah di Rancangan ini adalah terbahagi kepada 4 peringkat. Peringkat 1,2,3 memangnya merupakan kebun-kebun getah peneroka, sementara peringkat 4 sepatutunya tanah dusun, telah disebabkan kedudukan fizikalnya terlalu jauh dari penempatan dan ditambah lagi bahawa peneroka terpaksa menumpukan perhatian lebih kepada kebun-kebun getah mereka, jadi dari membazir dan untuk menambahkan pendapatan peneroka, tanah regab tersebut telah ditanam dengan getah. Ianya sebagai kepunyaan bersama dan bercorak koperasi, ini bererti bahawa hasilnya akan diberi samarata setelah ditolak kos perbelanjaan.

Kawasan ladang getah di sini adalah berbukit-bukau dan jauh dari penempatan telah membawa kepada 2 akibat, pertamanya boleh dikatakan peneroka-peneroka di sini mempunyai motosikal sekurang-kurangnya sebuah untuk membolehkan mereka ke kebun. Keduanya jumlah ekar yang

ditanam adalah berbeza-beza, walaupun mereka kesemuanya diberi 8 ekar ini adalah kerana terdapat lurah-lurah bukit yang tidak boleh ditanam dengan pokok-pokok getah dan ini membawa kepada akibat lain iaitu hasil pendapatan yang berbeza.

Berdekatan dengan kawasan ladang terdapat sebuah tasik yang muncul akibat adanya empangan yang dibina berdekatan. Tasik buatan manusia ini terdapat banyak ikan air tawar, seperti ikan sepat, haruan dan lain-lain lagi. Dari itu terdapat juga peneroka-peneroka yang menjadi nelayan sebagai pekerjaan sampingan, di samping itu terdapat Projek ternakan ikan air tawar yang dijalankan oleh JKKR dan Persatuan Belia FELDA Air Tawar.

Terdapat juga kawasan paya di kawasan ladang ini. Sebenarnya kawasan paya ini tidak begitu berguna melainkan apabila peneroka-peneroka telah terputus bekalan air, maka terpaksa penerokawati-penerokawati menggunakan air -air paya untuk bekalan minuman, basuhan serta untuk mandi-manda.

## 3.3 TANAMAN UTAMA GETAH DAN CARA PEKERJAAN

Tanaman utama di rancangan ini merupakan tanaman getah. Getah merupakan tanaman penting dalam kehidupan manusia. Jenis klon getah yang ditanam di rancangan ini ialah RRIMS 13, RRIM 623, GTI dan RRIM 600. Pokok-pokok getah di rancangan ini sudah dalam lingkungan umur 19 - 23 tahun (mula menanam) dan hasil yang dikeluarkan mula berkurangan dan proses tanaman semula sedang dalam perancangan.

Cara pekerjaan di rancangan ini digelar 'Specific 2 Daily 2 (S2D2)' Melalui sistem ini, peneroka dikehendaki membahagikan lot kebun getah

mereka kepada 2 bahagian dan akan menoreh satu bahgaian pada satu hari dan bahagian sebelahnya pada hari esoknya (diandaikan hari tidak hujan) dan pusingan ini berjalan seterusnya. Di sini tidak tepat cara ber-koperasi atau bekerja bersama tetapi sebenarnya merupakan lot individu, di mana peneroka dan keluarganya mengerjakan secara bersendirian, jadi hasil pendapatan peneroka selain bergantung kepada harga getah dan cuaca, juga bergantung pada kerajinan peneroka dan keluarganya meneroka getah. Setelah siap menoreh, susu getah dan getah dan getah scrap akan dipungut oleh peneroka untuk ditimbang di pusat mengumpul getah (PMG) pusat ini akan dibuka pada pukul 11 pagi - 2 petang tiap-tiap hari kerana pada masa ini tugas menoreh dan mengumpul sudah selesai. Pekerja-pekerja PMG kesemuanya terdiri daripada anak-anak peneroka. Di sini susu getah digred dan ditimbang, seterusnya direkodkan jumlah hasil yang dipungut oleh peneroka pada hari itu dan mereka akan hanya mene-rima baucer masing-masing pada hujung tiap-tiap bulan setelah ditolak hutang piutang peneroka dengan Felda, yuran, cukai dan sebagainya.

Untuk menguji samada susu getah tersebut baik ataupun tidak, maka alat 'metrolax' digunakan. Susu getah paling baik adalah yang mempunyai kurang kandungan air, inilah salah satu sebabnya mengapa getah tidak ditoreh pada hari hujan. Di PMG , susu getah disimpan dalam tangki-tangki besar sementara menunggu untuk diangkut oleh lori-lori 'FELDA Angkut' dan seterusnya dijual kepada syarikat-syarikat swasta yang membuat 'contract' dengannya.

## 3.4 TANAMAN SEMULA

Setiap rancangan getah akan pasti mengalami penanaman semula

selepas pokok getah telah berumur 20 - 25 tahun dari masa mula ditoreh. Perkara ini ujud kerana pokok-pokok getah yang telah tua tidak lagi dapat mengeluarkan hasil yang baik dan seterusnya memberi kesan kepada pendapatan peneroka, ditambah juga terdapat pokok-pokok getah yang telah rosak akibat penerohen yang dijalankan tidak ada penelitian atau kemahiran menoreh. Rancangan FELDA Air Hitam akan menjalankan proses penenaman semula pada tahun 1990, besar kemungkinan rancangan ini akan bertukar dari tanaman getah ke tanaman kelapa sawit, ini adalah berdasarkan beberapa sebab:-

1. Hanya kelapa sawit lebih tinggi berbanding dengan hanya getah.
2. Masa untuk memetik buah adalah pendek, bukannya setiap hari, jadi Peneroka akan mempunyai lebih masa terluang untuk menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi yang lainnya.
3. Senang mendapatkan tenaga buruh untuk bekerja memetik buah dan mengangkutnya daripada menoreh.

Dari sudut pandangan peneroka pula adalah berlainan, kebanyakan mereka tidak bersetuju rancangan tersebut - menukar jenis tanamannya, antara sebab-sebabnya:-

1. Hutang piutang mereka dengan FELDA hampir selesai, jadi mereka mengkehendaki supaya geran kebun diserahkan kepada mereka, walaupun diketahui bahawa geran tersebut tidak boleh dijual ataupun digadaikan. Kalau rancangan tersebut menanam kelapa sawit maka lot-lot individu akan luput dan digantikan dengan hak bersama sesuatu blok atau kumpulan, seterusnya geran akan menjadi hak bersama mereka tidak mahu hal sedemikian terjadi.
2. Cara pekerjaan akan bertukar ke cara pekerjaan berkumpulan dan

seterusnya pendapatan akan dikongsi bersama. Mereka tidak mahu perkara ini berlaku kerana takut ada di antara mereka yang akan ponteng kerja dan ini akan membawa kepada perasaan tidak puashati dan berkecil-kecil hati di antara peneroka yang selama ini hidup dalam keadaan bekerjasama.

3. Menurut pendapat ramai peneroka pula bahawa hanya getah lebih stabil dari kelapa sawit dan ditambah lagi usaha-usaha kerajaan untuk mengeluarkan kereta nasional dan tayar-tayar buatan tempatan tentu sekali memerlukan lebih getah dan ini boleh membawa kepada kenaikan harga getah dalam masa jangkapanjang seterusnya.

## 3.5 KEMUDAHAN AWAM

Rancangan FELDA Air Hitam ditubuhkan sejak 23 tahun lalu, pada peringkat permulaan tidak terdapat banyak kemudahan misalnya, tidak terdapat bekalan letrik, bekalan air paip (hanya air perigi), jalan tanah merah, tidak terdapat perkhidmatan pengangkutan dan terdapat juga berbagai-bagai masalah dalam menghadapi keadaan ini di mana terdapat mereka yang tidak sanggup menghadapi cabaran tersebut lalu lari meninggalkan rancangan tersebut.

Perubahan terus berlalu secara berperingkat-peringkat di Rancangan ini dan sekarang ianya mempunyai banyak kemudahan yang dapat dibanggakan oleh peneroka-peneroka. Kemudahan-kemudahan ini disediakan akibat dari kesedaran peneroka dan pihak FELDA untuk menjadikan kampong rancangan ini sebagai tempat yang selesa diduduki, membawa kepada keadaan 'environments' lebih baik untuk meninggikan lagi kematangan mental dan keselesaan penghuninya.

Rancangan FELDA Air Hitam ini telah memperolehi bekalan letrik pada tahun 1981. Pengkaji mendapati bahawa hampir kesemua rumah responden mempunyai TV warna dan radio. Walaupun begitu lorong-lorong serta jalan-jalan besar yang menghubungkan tiap-tiap blok di rancangan ini belum lagi mempunyai lampu jalan, maka ini menyulitkan perjalanan pada waktu malam terutamanya untuk berjalan kaki.

Bekalan air telah diperolehi pada tahun 1967, merupakan sistem air paip yang disalurkan pada tiap-tiap rumah, namun terdapat masalah tidak ada air. Bekalan air paip akan hanya keluar sekali selama 2 - 3 jam. Untuk mengatasi masalah air JKKR telah memberi kontrak kepada pihak swasta untuk membekalakan air ke rancangan tersebut. Dari itu apabila kita melalui di hadapan rumah peneroka-peneroka terdapat satu pandangan yang menarik di mana tempayan-tempayan batu dan periok belanga disusun. Bekalan air ini selalunya dihantar selang 2 - 3 hari sekali, untuk menambahkan lagi bekalan air, terdapat saluran-saluran pada bumbung rumah peneroka yang bertujuan untuk menadahkan air hujan. Apabila terdapat majlis perkahwinan, selalunya kontrakter tersebut akan menghantar lebihan ke rumah yang mengadakan kenduri tersebut supaya masalah kekurangan air dapat dikurangkan. Sekarang masalah air tidak merupakan masalah besar kerana adanya kontrak tersebut kalau dibandingkan dengan masa sebelumnya. Pengkaji diberitahu bahawa sebelumnya, penerokawati-penerokawati terpaksa membasuh kain baju, mandi-manda dan mendapatkan air basuhan bukan sahaja di telaga-telaga tetapi juga di paya, akibatnya ramai yang mendapat penyakit kudis dan sakit kuning. Untuk mendapatkan air dari telaga, penerokawati-penerokawati terpaksa berjalan jauh sedikit dan ketidakselesaan ujud terutamanya pada musim panas.

Pelajaran merupakan faktor penting dalam kehidupan manusia untuk menambahkan ilmu pengetahuan manusia bagi memenuhi perkembangan mental dan fizikal. Di rancangan ini terdapat sebuah sekolah rendah yang dibina pada tahun 1963. Sekolah ini dapat menampung 800 - 1000 orang murid, terdapat 2 sessi pengajaran iaitu di sebelah pagi dan di sebelah petang. Kawasan persekolahan ini seperti juga sekolah lain terdapat sebuah bangunan batu dua tingkat dan sebuah bangunan setingkat. Untuk mengenangkan guru-guru di sekolah ini mengajar dan datang ke sekolah maka rumah-rumah guru telah dibina di belakang sekolah tersebut. Sementara itu bagi anak-anak peneroka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah terpaksa bersekolah samada di Kluang, Air Hitam, Batu Pahat, Kuala Lumpur dan juga Johor Bahru, mereka yang bersekolah di Kuala Lumpur dan Johor Bahru tinggal di asrama yang disediakan oleh FELDA. Perbelanjaan asrama akan dipotong dari pendapatan bapa pelajar tersebut. Sementara itu mereka yang bersekolah di Air Hitam dan Kluang disediakan 2 buah bas sekolah, sebuah ke Air Hitam dan sebuah ke Kluang.

Terdapat juga sebuah sekolah ugama yang dibina pada tahun 1965, pengajaran di sekolah ini diadakan untuk 2 sessi iaitu pada waktu pagi dan petang. Sebuah sekolah tadika telah ditubuhkan pada tahun 1976 untuk penyediaan pra sekolah bagi anak-anak peneroka bawah umur 7 tahun.

Terdapat sebuah klinik desa yang dibina pada tahun 1963, menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk peneroka dan keluarga. Klinik ini dikendalikan oleh seorang bidan yang tinggl di klinik tersebut, bidan ini merupakan yang ditauliahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Klinik ini hanya memberi rawatan ringan kepada peneroka dan keluarga, sebagai contoh memberi rawatan dan nasihat kepada ibu-ibu mengandung, mengajar cara-cara mengambil perancangan keluarga, merawat luka-luka kecil, demam dan juga memberi nasihat kepada penduduk rancangan mengenai kesihatan. Kes-kes serious akan dirujuk kepada Hospital Daerah Kluang. Pada hari-hari tertentu, budan tersebut akan keluar untuk melawat keluarga-keluarga peneroka selalunya bersama SDA (Wanita) dengan tujuan memberi nasihat kepada isteri-isteri peneroka mengenai kesihatan, misalnya kalau ibu mengandung diajar cara pemakanan yang betul dan berzat, cara ,memandikan bayi, memberi makanan kepada bayi, memberi nasihat samada ibu tersebut patut bersalin di rumah atau rumah sakit dan sebagainya.

Terdapat sebuah perpustakaan di rancangan ini yang dinamakan Bilik Bacaan Rancangan (BBR) yang ditubuhkan atas usahasama Persatuan Belia dan sokongan JKKR - terutama dalam hal kewangan. Perpustakaan ini hanya terdiri dari datu ruang bilik seluas hanya 28" x 18" tetapi melalui ianya kelihatan kemas. Buku-buku di sini samada dibeli ataupun didermakan oleh penduduk dan kakitangan Felda di rancangan ini. Di BBR ini merupakan tempat yang sesuai untuk pelajar-pelajar mengulangi pelajaran mereka dan kalau bosan boleh bermain permainan seperti 'Shabana'. BBR dibuka selalunya pada pukul 4.30 - 6.00 petang pada tiap-tiap hari kecuali cuti awam. Di samping itu terdapat sebuah perpustakaan bergerak yang disediakan oleh FELDA, datang ke rancangan sekali dalam sebulan. Terdapat buku-buku dari berbagai-bagai jenis yang sesuai dipinjam oleh ahli-ahlinya yang terdiri dari berbagai lapisan umur selama sebulan dan maximumnya 3 buah buku boleh dipinjam oleh seorang ahli.

Sebuah Balai Raya telah dibina pada tahun 1978, Balai Raya ini memainkan beberapa peranan utama dalam kehidupan masyarakat peneroka terutama mengadakan mesyuarat serta ceramah-ceramah dan di sinilah terletak pejabat JKKR rancangan.

Terdapat sebuah masjid dibina pada tahun 1967, bukan sahaja bertujuan keagamaan malahan termasuk faktur-faktur sosial. Di masjid ini diadakan ceramah-ceramah agama dan kelas-kelas agama pada setiap minggu. Acara-acara yang mempunyai fungsi keagamaan dijalankan di sini seperti Maulud Nabi, lsrak Mikraj dan sebagainya. Faktur sosial pula di sini pula, di sini umat lslam berjumpa dan merapatkan hubungan melalui perbualan-perbualan sebelum masuknya fardu dan selepasnya.

Terdapat 3 blok deretan kedai di rancangan ini di samping Pusat Niaga FELDA (PNF) kedai-kedai deretan tersebut diperniagakan oleh peneroka dan keluarganya terdiri daripada orang-orang Melayu, orang luar tidak dibenarkan berniaga di sini. Terdapat pasar kecil, kedai makan, kedai perabut, sebuah mini market, sebuah kedai jahit yang di tubuhkan atas pinjaman dan sokongan Persatuan Belia dan sebagainya. Di samping itu terdapat juga kedai kooperasi di sini yang mana saham-sahamnya dibeli oleh peneroka-peneroka, yuran kemasukan adalah sebanyak $5.00 seorang dan dikira sebagai saham dan peneroka boleh menambah saham mereka dengan membeli saham tambahan bergantung kepada kehendak dan kemampuan masing-masing.

Perkhidmatan bas di sini agak memuaskan, terdapat sebuah bas yang disediakan untuk untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk rancangan ke Kluang oleh Syarikat Bas Mahfod Berhad (SBMB), jadual perjalanan bas adalah satu jam satu.

Selain daripada kemudahan-kemudahan di atas, di rancangan ini terdapat juga wakil pos bertempat berdekatan dengan Pejabat FELDA Air Hitam, tugasnya ialah menjual sistem, menghantar surat atau bungkusan untuk penduduk rancangan dan mengambil surat-surat yang dikirim oleh peneroka ke luar dan dihantar ke Pejabat Pos Besar Kluang. Terdapat sebuah pondok rukuntetangga dan sebuah pondok telefon untuk kemudahan peneroka menghubungi orang luar.

Di samping itu terdapat jalan bertar dalam rancangan dan jalan menuju ke dalam dan luar rancangan. Walaupun begitu terdapat juga jalan-jalan tanah merah dibeberapa kawasan tertantu terutama di peringkat pertama dan ketiga, keadaan ini agak menyulitkan peneroka terutama apabila hari hujan kerana becak. Masih tidak terdapat perkhidmatan bas antara peringkat dalam kawasan perkampungan ini, akibatnya hampir kesemua peneroka di sini mempunyai motosikal dan basikal, untuk berjalan kaki adalah susah kerana terlalu jauh dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain.

Terdapat juga kemudahan-kemudahan untuk bersukan seperti padang bola, 'badminton court','takraw court' dan terdapat sebuah pentas. Pentas ini adalah digunakan semasa pementasan bangsawan bergerak Felda diadakan setahun sekali, ataupun pementasan bergerak lainnya. Terdapat perkhidmatan tayangan gambar sekali sebulan, gambar yang ditayangkan adalah gambar Inggeris, Indonesia dan Melayu. Tujuannya adalah supaya peneroka tidak merasa bosan dalam kehidupan rancangan. Yuran yang dikenakan kepada peneroka dan keluarga untuk hiburan ini ialah $0.20 sebulan. Terdapat juga orang luar yang datang melihat pentasan dan tayangan gambar dan mereka selalunya dikehendaki membayar $0.50 seorang,

hasilnya akan digunakan samada oleh Tadika ataupun Persatuan Belia, bergantung kepada persatuan mana memungutnya.

Di rancangan ini terdapat juga sebuah Pusat Mengumpul Getah (PMG) yang akan menimbangkan, mengred dan mencatitkan hasil pendapatan peneroka dan menyimpan susu getah dalam tangki-tangki besar sementara menunggu kedatangan lori-lori 'FELDA Angkut' untuk membawanya keluar rancangan.

Kehidupan selalunya berakhir dengan kematian, rancangan ini terdapat sebuah kawasan perkuburan. Selalunya peneroka dan ahli-ahli keluarganya yang meninggal adalah ditanam di sini.

## 3.6 SISTEM BLOK DI FELDA AIR HITAM

### a. Sistem Blok JKKR

Pada peringkat permulaan keujudan FELDA, FELDA kurang memberi perhatian kepada pembangunan peneroka (Settler development). Dari itu masyarakat peneroka tidak sepenuhnya dapat menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan sekeliling samada sosial mahupun mental, maka atas alasan ini maka 'Settler Development Division' telah dibentuk pada tahun 1967. Definisi dan konsep mengenai pembangunan peneroka ialah "Through settler development Felda hopes to instill the spirit of willingnes to work, self-help, betterment of them selves and their families through the settler own efforts. Settler development also aims to provided each setter and his family sulficien scope and motivation to learn to become self- reliant, progressive and responsible rural people capable of making their own decisions and talking care of their own welfare". (Shamsul Bahari, 1977:86).

Sistem blok diperkenalkan pada tahun 1970 oleh FELDA di Rancangan Tanah Suharto. Tujuannya untuk melicinkan pentadbiran di rancangan, peneroka-peneroka pada tiap-tiap blok akan memilih seorang ketua blok sendiri supaya dapat menyelesaikan masalah dan membawa masalah peneroka ke mesyuarat JKKR, mengikut polisi FELDA,

"ln a blok system a leader is elected from each blok of families to be represent in the JKKR organization". (Land Development Digest Vol:No 2 August 1981/1982).

Rancangan FELDA Air Hitam dibuka pada tahun 1962, beerti 8 tahun sebelum sistem blok diperkenalkan, untuk kepentingan peneroka-peneroka yang baru masuk datang dari beberapa daerah berlainan walaupun dari negeri yang sama, maka untuk intergrasi dijalankan melalui mengadakan kumpulan Yassin dan apabila sistem blok diperkenalkan, untuk membentuk 20 rumah bagi setiap blok, ini tidak dapat dijalankan, maka kumpulan Yassin tersebut telah diterima sebagai membentuk satu blok. Terdapat 13 blok JKKR dalam Rancangan Felda Air Hitam ini.

JADUAL 3.4

BILANGAN BLOK DALAM RANCANGAN MENGIKUT PERINGKAT

| Peringkat | Jumlah Blok |
|---|---|
| 1 | 5 |
| 2 | 4 |
| 3 | 4 |

Sumber dari Pejabat FELDA Air Hitam

University of Malaya

b. Sistem Blok GPW

Di bawah pentadbiran GPW di Rancangan FELDA Air Hitam mempunyai 15 blok. Tiap-tiap blok mempunyai seorang ketua blok di samping seorang bendahari dan seorang bendahari setiausaha. Melalui sebab-sebab tertentu, bolehlah bendahari atau setiusaha mengantikan ketua blok yang dapat hadir dalam mengemukakan masalah dalam mesyuarat GPW yang diadakan sebulan sekali.

c. Sistem Blok Ladang

Rancangan FELDA Air Hitam mempunyai 4 peringkat tanah 1,2,3 adalah merupakan kebun-kebun getah sementara peringkat 4 sepatutnya dusun peneroka. Pentadbiran telah membahagikan kebun-kebun peneroka kepada 4 peringkat.

JADUAL 3.5

PERINGKAT BLOK DALAM LADANG

| Peringkat | Blok |
|---|---|
| 1 | ABCD |
| 2 | EFGH |
| 3 | IJKL |

Setiap blok ladang mempunyai seorang ketua blok ladang. Oleh itu pada setiap peringkat mempunyai 4 ketua blok yang menjadi Setiusaha, Pengerusi Penolong Pengerusi dan Bendahari, ini beerti bahawa terdapat 3 Pengerusi untuk seluruh rancangan dan pengerusi-pengerusi ini adalah di bawah pengusaan Biro Ladang JKKR.

Tugas-tugas Jawatankuasa Ladang ialah memastikan kebersihan

University of Malaya

ladang, lorong-lorong ladang diperbaiki dan dibersihkan, memperbaiki jambatan dan sebagainya yang bersangkutan dengan ladang. Jawatankuasa ladang menetapkan setiap akhirnya membayar $15.00 sebulan ($180.00 setahun). Wang ini akan digunakan untuk membersihkan ladang peneroka kalau didapati kebersihannya tidak memuaskan tetapi kalau sebaliknya berlaku, wang tersebut akan dikembalikan kepada peneroka pada hujung tahun.

### 3.7 PENTADBIRAN FELDA DAN JKKR

Terdapat 13 kakitangan FELDA di rancangan ini, walaupun begitu jawatan Penolong Pengurus telah dibubarkan. Kakitangan-kakitangan Felda, ini menjalankan satu tugas penting iaitu mentadbir segala aspek ekonomi, sosial, pengurusan dan sebagainya. Pengurus dan Penyelia bergilir-gilir melawati kawasan ladang untuk mematikan perlaksanaan dan mendengar masalah peneroka-peneroka.

Untuk membantu memperkemaskan pentadbiran, JKKR telah juga memainkan peranannya. Tiap-tiap ketua blok akan berunding sebulan sekali dan Pengurus menjadi pengerusinya. Selalunya masalah peringkat Rancangan akan cuba diselesaikan, kalau penyelesaian tidak dapat dilakukan akan di bawa ke peringkat Wilayah.

BAB IV

## LATARBELAKANG RESPONDEN

### 4.1 PENDUDUK

Rancangan FELDA Air Hitam mempunyai 336 peneroka bersama keluarga mereka bagi menerokai kawasan seluas 1626 perimeter hectores. Kesemua peneroka di rancangan ini adalah berasal dari Negeri Johor dan terdiri daripada orang Melayu. Selain daripada peneroka yang tinggal di kawasan ini, terdapat juga 15 orang kakitangan FELDA bersama beberapa tenaga pengajar yang menampungi kemampuan sebuah sekolah agama dan sebuah sekolah rendah kebangsaan. Di samping itu terdapat juga buruh-buruh upahan yang diupah oleh peneroka dalam membantu mereka menoreh getah berasaskan fakta bahawa kebanyakan peneroka-peneroka sudah tua dan tidak mempunyai anak-anak atau saudara mara untuk membantu mereka.

Rancangan FELDA Air Hitam terbahagi kepada 4 peringkat di mana peringkat 1,2,3 merupakan peringkat yang mempunyai penempatan peneroka, sementara peringkat 4 merupakan Tanah Rezab. Pada mulanya kawasan tersebut merupakan tanah dusun peneroka mengikut polisi awal Felda tetapi disebabkan kawasan tersebut terlalu jauh dari penempatan peneroka, maka dengan persetujuan para peneroka dan FELDA, kawasan ini mula ditanam getah pada tahun 1978 dan mengeluarkan hasilnya pada tahun 1984.

JADUAL 4.1

LUAS KAWASAN YANG DIUSAHAKAN DI RANCANGAN

| PKT | Jumlah Peneroka | Tahun Masuk | Luas kawasan diusahakan |
|---|---|---|---|
| I | 121 | 1962 | 367 hectares |
| 2 | 105 | 1963 | 353 hectares |
| 3 | 110 | 1965 | 336 hectares |
| 4 | - | 1978 | 186 hectares |

Kawasan perkampongan adalah seluas 99 hectares.
Sumber dari Pejabat FELDA Air Hitam.

4.2 JENIS RUMAHTANGGA

Pengkaji telah mendapatkan 30 keluarga peneroka sebagai responden berdasarkan 'Stratified Sampling', ini adalah berdasarkan rancangan ini terbahagi kepada 3 peringkat yang mempunyai penempatan peneroka dan terbahagi kepada 13 blok. Supaya kajian berjalan dengan lancar maka pengkaji telah memilih satu peringkat sahaja untuk mendapatkan 15 responden bukan AJK JKKR, sementara 15 lagi responden adalah terdiri daripada 15 AJK JKKR iaitu terdiri daripada 13 ketua blok, seorang pengerusi GPW dan seorang pengerusi Persatuan Belia.

Dari 30 keluarga responden tersebut terdiri daripada 30 orang isteri dan 28 orang suami. Ujidnya ketidakseimbangan ini kerana terdapat 2 orang janda yang mengambilalih tugas suami mereka sebagai

peneroka, menjadi ahli JKKR selain menjadi ahli GPW.

## 4.3 PERINGKAT UMUR

Peringkat umur memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia untuk memastikan kematangan dan kecergasan manusia dalam menerima sesuatu yang baru dan mempunyai tenaga untuk berusaha lebuh gigih lagi.

Rancangan FELDA Air Hitam telah dibuka secara berperingkat-peringkat pada tahun 1962, 1963 dan 1965. Dari Jadual 4.2 didapati umur purata peneroka sekarang adalah dalam lingkungan umur 45 - 65 tahun. Seramai 66% dari peneroka yang menjadi responden pengkaji adalah berumur 46 -55 tahun, sementara 20% adalah dalam lingkungan 55 - 60 tahun dan cuma 3.3% adalah berumur 31 - 35 tahun.

Apabila dilihat pada Jadual 4.3 didapati bahawa anak-anak peneroka dan mereka di bawah tanggungannya samada lelaki mahupun perempuan adalah dalam lingkungan muda. Pengkaji mengambil lingkungan umur 16 - 35 tahun sebagai golongan muda, cergas dan bertenaga untuk bekerja dan tidak lagi tertakluk kepada beban ibu bapa (melainkan mereka yang bersekolah). Seramai 58% perempuan dan 68.7% lelaki adalah terletak pada paras tersebut. Dari kajian ini didapati bahawa lebih dari setengah penduduk rancangan ini terdiri dari golongan belia dan beliawanis.

## 4.4 TINGKAT PELAJARAN

Pelajaran adalah penting dalam kehidupan manusia. Pelajaran tidak beerti bergantung kepada taraf persekolahan tetapi juga boleh merupakan pengalaman manusia dalam menghadapi keadaan kehidupan seterusnya.

University of Malaya

Jadual 4.2. Tingkat Umur peneroka dan isteri.




Skila:0.5- 1unit

Berdasarkan borang soalselidik.

Perempuan

Lelaki

Peneroka di sini termasuk juga janda yang mengambilalih tugas suami mereka.

Jadual 4.3. Tingkat Umur untuk anak-anak dan mereka di bawah tanggungan peneroka seperti emak, emak mertua, isteri dan lain-lain.

(Tidak termasuk peneroka).




Skala: 0.5-1 unit

Data berdasarkan borang soalselidik.

Lelaki

Perempuan

Dari jadual 4.4 didapati bahawa 40% dari peneroka yang dikaji tidak mendapat pelajaran dan berdasarkan alasan yang diberi ialah:-

i) Sekolah terlalu jauh dari rumah kerana pada zaman mereka (peneroka-peneroka) tidak ada kemudahan sosial seperti jalan-raya, bas sekolah dan lain-lain lagi aspek sekarang.

ii) Persekolahan memerlukan perbelanjaan yang besar dan ini merupakan bebanan kepada orang tua mereka yang hanya menjalankan pekerjaan kampong di mana tenaga seisi keluarga adalah penting sebagai unit pengeluar dan untuk memastikan 'survival' keluarga.

iii) Kenang galakan daripada pehak pemerintah yang pada masa itu penjajah, serta ibu bapa yang menganggap persekolahan merupakan pembaziran masa kerana tidak mempunyai kaitan dengan kehidupan seharian.

Bagaimanapun kira-kira 50% dari peneroka-peneroka yang dikaji mendapat pendidikan Sekolah Rendah Melayu, walaupun hanya sampai darjah 3 dan 4. Mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi akibat penguasaan Jepun di Tanah Melayu dan selepas zaman Jepun kebanyakan dari mereka telah berkahwin ataupun telah berumur untuk melanjutkan persekolahan lagi. Selain dari pada itu pelajaran juga tidak dapat dilanjutakan akibat dari faktor ekonomi. Terdapat 7% dari peneroka yang dikaji mendapatkan pendidikan Sekolah Arab, sementara dikalangan isteri peneroka pula hanya seramai 14% sahaja mendapat pendidikan tersebut.

Di kalangan isteri peneroka lebih kurang 72% tidak mendapat pendidikan persekolahan dan berasaskan bahawa wanita tidak perlu bersekolah kerana akhirnya akan ke dapur, jadi pendidikan utama ialah

Jadual 4.4 Tingkat pelajaran yana diterima oleh peneroka dan isteri.




Skala : 0.5 sm:1

Data berdasarkan soalselidik.

agama, memasak, menjahit dan sebagainya. Walaupun begitu ada dari

Jadual 4.5. Tingkat perlajaran anak-anak peneroka dan mereka di bawah tanggungannye.




Data berdasarkan borang soal selidik.

Skala : 1cm- 5 unit.

agama, memasak, menjahit dan sebagainya. Walaupun begitu 14% dari isteri peneroka mendapat pendidikan Sekolah Arab dan 14% lagi mendapat pendidikan Sekolah Rendah Melayu.

Merujuk kepada jadual 4.5 didapati bahawa anak-anak mereka di bawah tanggungan peneroka seperti cucu, anak saudara dan sebagainya mendapat pendidikan lebih tinggi dari peneroka sendiri. Lebih kurang 51% dari pihak lelaki mendapat pendidikan Sekolah Menengah Atas iaitu Tingkatan 4,5, 6 dan kelulusan SPM, MCE, STP, STPM dan HSC, sementara pihak perempuan yang mendapat pendidikan tersebut ialah seramai 43%. Terdapat 4% dari pihak lelaki mendapat pendidikan tinggi seperti mengaji di Institute dan Universiti tempatan, sementara pihak perempuan pula seramai 3% dan 1% mendapat pendidikan luar negeri.

Kemajuan ini disebabkan:-

i) Kesedaran di kalangan ibu bapa akan pentingnya pelajaran untuk menghadapi masa depan, supaya kehidupan anak-anak akan menjadi lebih dari mereka.

ii) Galakan dari kerajaan seperti mengadakan kemudahan pelajaran seperti biasiswa, buku pinjaman dan lain-lain lagi.

iii) Terdapat kemudahan awam seperti jalanraya, bas sekolah, sekolah berdekatan dan seterusnya.

iv) Atas pertolongan dan bantuan JKKR memberi bantuan kewangan untuk setiap pelajar yang memasuki Tingkatan 6 sekolah kerajaan, Institute dan Universiti.

## 4.5 PEKERJAAN SEKARANG DAN PEKERJAAN DAHULU SEBELUM MASUK RANCANGAN

Kesemua responden yang dikaji, kerja tetap mereka ialah menoreh

getah, walaupun begitu terdapat di kalangan mereka yang mengerjakan pekerjaan sampingan terutamanya pada waktu petang di mana tidak ada apa hendak dibuat, seperti menjalankan projek 'Buku Hijau' pada tanah-tanah lapang dengan galakan daripada JKKR dan pegawai-pegawai Felda di sana sendiri. Terdapat juga yang menjadi menangkap ikan, pemandu bas dan peniaga.

Sebelum memasuki rancangan, 28% dari responden yang dikaji menjalankan kerja kampong seperti berkebun dan 25% lagi bekerja sebagai penoreh samada di tanah mereka sendiri atau mengambil upah dengan orang lain. Selain daripada itu 14% dari mereka bekerja sebagai askar dan nelayan masing-masing. Sementara itu 10.7% dari responden yang dikaji telah menjalankan kerja buruh (tidak bersangkutan dengan pertanian seperti buruh bangunan) sebelum memasuki rancangan dan hanya 1% menjadi cikgu sementara dan pemendu bas masing-masing.

Menurut kesemua responden bahawa pekerjaan dahulu mereka adalah tidak tetap, tidak mempunyai tanah dan rumah sendiri, walaupun ada tetapi tidak ekonomik, pendapatan tidak mencukupi dan sebagainya, akibat apabila ada perlu memasuki rancangan mereka pun menerimanya.

## 4.6 TINGKAT PENDAPATAN

Tingkat pendapatan ialah mengukur jumlah pendapatan yang dipunyai oleh tuanpunya faktor pengeluaran. Pada dasarnya pendapatan datangnya dari dua sumber iaitu pertamanya dari kekayaan yang dipunyai oleh seseorang seperti dalam bentuk tanah, bangunan, rumah, simpanan wang dan lain harta yang berharga. Ia mendatangkan perolehan kepada tuanpunya samada berbentuk sewa atau bunga. Sumber kedua ialah datang

Jadual 4.6 . Pekerjaan peneroka sebelum memasuki rancangan.




Skala: 1sm= 1unit

Data berdasarkan borang soalselidik.

dari kemahiran seseorang yang mana akan menghasilkan upah atau gaji, sekiranya ia mempunyai kemahiran buruh ataupun untung sekiranya kemahiran usahawan.

Dari jadual 4.7, pengkaji mendapati bahawa 30% dari pendapatan keluarga adalah pada paras $501 - 600. sementara 17% adalah pada paras $601 - 799, $701 - 800 dan $801 - 900 masing-masing. Sementara itu 3% dari yang dikaji mendapat pandapatan sekeluarga sebanyak $901 - 1000 dan $1701 - 1800 masing-masing. Walaubagaimanapun terdapat 13% daripada responden yang dikaji mendapatkan pendapatan sekeluarga paling rendah iaitu pada paras $401 - 500.

Sementara itu dari jadual yang sama didapati bahawa 37% dari responden (peneroka sahaja) mendapat pandapatan pada paras $401 - 500, sementara itu hanya 6.6% daripada responden mendapat pendapatan paling tinggi iaitu pada paras $801 - 900 dan 6.6% daripada responden mendapat pendapatan $300 - ke bawah.

## 4.7 TUJUAN MASUK RANCANGAN

Setiap sesuatu yang dibuat oleh manusia mempunyai sama ada tujuan tersebut berjaya atau tidak bergantung kepada perlaksanaan, situasi, masalah dan kemungkinan-kemungkinan begitu juga berdasarkan perhatian bersama-sama keadah dan cara yang dipergunakan.

Pengkaji mendapati bahawa 36% dari responden, tujuan utama masuk rancangan adalah untuk mendapatkan tanah sendiri, alasan utama ialah di kampong tidak ada tanah, kalau adapun hanya sekangkang kera, 31% pula ingin mendapat pendapatan yang lebih supaya kehidupan keluarga akan menjadi bertambah baik, dapat memberi pelajaran yang lebih tinggi kepada anak-anak mereka kerana terdapat kemudahan sosial seperti

Jadual 4.7 <u>Tingkat pendapatan Peneroka dan keluarga.</u>




Pendapatan peneroka dalam ladang.

Skala:1sm:1

Pendapatan keluarga.

Data berdasarkan borang soalselidik.

University of Malaya

jalanraya, sekolah dan sebagainya (Lihat Jadual 4.8)

Keadaan ekonomi pertanian harus kita lihat berdasarkan empat perkara:-

1. Tingkat perkembangan teknologi dan penguasaan.
2. Susunan unit-unit pengeluaran dan keanggotaannya.
3. Sistem dan media pengeluaran.
4. Penguasaan ke atas punca-punca pengeluaran modal.

Maka ujud dikalangan responden tersebut ingin menjadi petani mahir, perkara ini ujud kerana kebanyakan mereka merupakan penoreh , sebelum memasuki rancangan. Sementara itu terdapat di kalangan mereka yang memasuki rancangan kerana menyahut seruan kerajaan untuk memberi tanah kepada mereka yang tidak bertanah ataupun tidak ekonomikal. Tujuan utama kerajaan adalah untuk menghapuskan atau mengurangkan kadar kemiskinan dengan meninggikan sistem teknologi ditambah dengan faktor pengurusan yang bertambah baik, di samping menghapuskan pengangguran.

Walaupun begitu terdapat 3% dari responden, tujuan mereka memasuki rancangan adalah kerana mengikut suami, mereka ini merupakan janda yang telah mengambilalih tugas suami mereka.

## 4.8 BILANGAN ANAK

Pada pandangan masyarakat Asia, jumlah anak yang ramai memainkan peranan penting kerana melaluinya tenaga seisi keluarga adalah penting terutama dalam bidang ekonomi, contohnya pertanian. Selain daripada itu terdapat juga pandangan bahawa apabila sudah tua tentu salah seorang dari anak-anak tersebut akan menjaga mereka.

Malaysia menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, memerlukan 70 juta rakyat dalam masa 115 tahun untuk mengisi pembangunan negara

Jadual 4.8 Menunjukkan sebab-sebab peneroka memasuki rancangan.




Data berdasarkan borang soalselidik.

University of Malaya

yang semakin pesat, memerlukan tengan-tenaga pekerja yang lebih ramai supaya tidak perlu mengimport pekerja dari luar negeri.

Dari jadual 4.9 didapati bahawa seramai 23% dari keluarga responden mempunyai 8 orang anak, sementara 3.3% mempunyai 12 orang anak. Selain dari pada itu seramai 3.3% juga mempunyai 1,2, dan 4 anak masing-masing. Terdapat 13.3% keluarga responden mempunyai 5 dan 6 anak masing-masing.

JADUAL 4.9

BILANGAN ANAK YANG DIPUNYAI OLEH 30 RUMAHTANGGA

| Bilangan anak | Bilangan keluarga | Peratus |
|---|---|---|
| 1 | 1 | 3.3 |
| 2 | 1 | 3.3 |
| 3 | 2 | 6.6 |
| 4 | 1 | 3.3 |
| 5 | 4 | 13.3 |
| 6 | 4 | 13.3 |
| 7 | 2 | 6.6 |
| 8 | 7 | 23.3 |
| 9 | 2 | 6.6 |
| 10 | 2 | 6.6 |
| 11 | 3 | 10 |
| 12 | 1 | 3.3 |

Data berdasarkan questionier.

## 4.9 SEBAB ANAK-ANAK TINGGAL DI LUAR RANCANGAN

Pengkaji mendapati bahawa dari kajiannya terdapat 30 rumahtangga,

University of Malaya

tidak ada peneroka keluar rancangan untuk bekerja luar tetapi hanya anak-anak peneroka sahaja yang berbuat demikian. Melalui jadual 4.10 didapati beberapa faktur menyebabkan mereka berbuat demikian:-

1. Bagi pihak lelaki didapati bahawa 77% dan di kalangan anak-anak perempuan peneroka pula seramai 27% dari mereka bekerja luar dari rancangan seperti di Kuala Lumpur, Johor Baharu, Kulai dan lain-lain tempat. Di kalangan mereka ini terdapat ada yang bekerja sebagai askar, kerani, pegawai kerajaan, buruh-buruh kasar dan lain-lain lagi. Hal ini terjadi akibat taraf pelajaran yang lebih tinggi yang diterima oleh mereka dan mendapati bahawa pekerjaan di rancangan adalah tidak sesuai dengan taraf pelajaran yang diterima oleh mereka, ataupun telah menjadi prinsip orang muda untuk merantau dari tempat asal, mencuba nasib di tempat orang dengan situasi yang berlainan.
2. Seramai 27% dari anak-anak perempuan responden keluar rancangan kerana mengikuti suami mereka yang bekerja di tempat lain, telah menjadi adat bagi anak-anak perempuan meninggalkan kediaman ibu bapa untuk tinggal berasingan samada di tempat ibu bapa suami ataupun di tempat lain.
3. Pihak Felda memberi galakan kepada anak-anak lelaki peneroka untuk menjadi peneroka di kawasan rancangan lain, ini adalah senang bagi anak-anak peneroka menyesuaikan diri di tempat baru berdasarkan pengalaman mereka selama ini. Tempat 17% dari anak-anak responden menjadi peneroka di tempat lain.
4. Sementara itu terdapat 6% dari anak-anak lelaki peneroka dan 22% dari pihak perempuan meninggalkan rancangan untuk melanjutkan

pelajaran samada di dalam negeri mahupun di luar negeri.

Jadual 4.10 . Sebab anak-anak peneroka keluar Rancangan.



pelajaran samada di dalam negeri mahupun di luar negeri.

## 4.10 BENTUK KEKELUARGAAN

Bentuk kekeluargaan yang utama di kalangan responden di rancangan ini ialah keluarga nuklear yang mengandungi seorang bapa, ibu serta anak ataupun anak-anak mereka . Jadual 4.11 memperlihatkan bahawa 90% daripada responden mengamalkan bentuk kekeluargaan tersebut.

JADUAL 4.11

BENTUK KEKELUARGAAN BAGI 30 RUMAHTANGGA

| Bentuk kekeluargaan | Bilangan | Peratus |
|---|---|---|
| SIA | 27 | 90 |
| SIA + Lain | 1 | 3.3 |
| Ia | 2 | 6.7 |
| Jumlah | 30 | 100 |

S - Suami
I - Isteri
A - Anak
Lain - menantu, cucu, saudara dan lain-lain.

Data berdasarkan questanaire.

Di samping itu terdapat 3.3% mengamalkan bentuk kekeluargaan 'escternal family' yang mengandungi suami, isteri, anak-anak serta menantu dan cucu-cucu. Selain daripada itu terdapat 6.7% dari responden terdapat bentuk kekeluargaan di mana itu telah menjadi janda berserta anak-anaknya.

University of Malaya

## 4.11 KEKERAPAN PULANG KE KAMPUNG DAN SEBAB-SEBAB PULANG

Setiap peneroka yang datang ke rancangan ini merupakan orang dagang walaupun mereka berasal dari negeri yang sama. 'Dagang' di sini diertikan sebagai keluar dari kampung halaman, meninggalkan sanak saudara serta sahabat handai untuk mencuba nasib di tempat lain. Setiap perantau tentu akan kembali ke kampung halaman walaupun sesaat untuk beberapa sebab tertentu.

Jadual 4.12 memperlihatkan bahawa 31% peneroka dan 45% isteri peneroka yang dikaji balik ke kampung pada musim Hari Raya, ini dilakukan selepas sembahyang hari raya di masjid rancangan. Sementara itu 18% dari peneroka dan 17.5% isteri peneroka balik ke kampung kerana adanya kenduri kendara terutama kenduri kahwin. Lain-lain faktur menyebabkan peneroka dan isteri mereka adalah kerana terdapatnya saudara-saudara yang sakit demam di sana, rindu kepada kampung, melihat harta dan juga menziarah.

Jadual 4.13 menunjukkan mengenai kekerapan peneroka dari isteri balik ke kampung. Kebanyakan peneroka serta isteri balik kampung setahun sekali, mengambil tempat paling tinggi iaitu 26.6% bagi peneroka dan 29% untuk isteri peneroka. Seterusnya terdapat 23% di kalangan peneroka dan 29% di kalangan isteri yang balik ke kampung lebih kerap kerana kampung mereka berdekatan dengan kawasan rancangan dan masih ada saudara mara berdekatan seperti ibu bapa, adik beradik dan sebagainya di kampung. Walaupun begitu terdapat 33% daripada responden tidak balik ke kampung kerana tiada saudara mara berdekatan lagi di sana.

4.12 PENYERTAAN DALAM KUMPULAN SOSIAL DAN UGAMA

University of Malaya

Jadual 4.12. Sebab-sebab peneroka dan isteri balik ke kampung mereka.




Skala :2sm-5 unit

Data berdasar borang soalselidik.

Jadual 4.13. Kekerapan peneroka dan isteri balik ke kampung.




Skala: 2sm- 5

Peneroka ini termasuk 2 janda yang mengambilalih tugas suami.

Data berdasarkan borang soalselidik.

## 4.12 PENYERTAAN DALAM KUMPULAN SOSIAL DAN AGAMA SERTA SEBAB MENYERTAI

Di peringkat rancangan ini telah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Rancangan (JKKR). JKKR itu adalah sebuah badan yang bertanggunjawab serta mewakili peneroka-peneroka di dalam dan di luar rancangan. Merupakan badan tertinggi dalam membuat keputusan untuk kepentingan peneroka. Ahli Jawatankuasanya ini dianggotai oleh ketua-ketua Blok yang dipilih oleh peneroka pada tiap-tiap blok. Kesemua peneroka di rancangan ini adalah secara otomatik menjadi ahli biasa JKKR dan membayar yuran sebanyak $3.20 setiap bulan.

Selain daripada JKKR terdapat juga persatuan untuk isteri-isteri peneroka iaitu Gabungan Persatuan Wanita (GPW) yang memainkan peranan penting untuk melindungi dan memajukan pengetahuan penerokawati-penerokawati di rancangan ini, GPW mengandungi 15 AJK iaitu dari ketua-ketua blok wanita, terdapat juga GPW menolong kaum wanita dalam menghadapi kehidupan sebagai suri rumahtangga di samping sebagai penerokawati, mereka diajar memasak, menentukan tentang kolones yang patut ada pada hidangan makanan, menjahit, memperkenalkan tentang-tentang hak-hak sebagai penerokawati dan seterusnya, tetapi yang paling penting ialah peranannya menyuarakan tentang kehendak penerokawati-penerokawati di rancangan tersebut dalam mesyuarat JKKR.

Dari segi keugamaan pula terdapat kumpulan Yassin pada tiap-tiap blok. Sebenarnya kumpulan Yassin ujud lebih awal daripada JKKR. Kumpulan Yassin selain daripada mempunyai kepentingan ugama juga mempunyai kepentingan sosial iaitu mengeratkan perhubungan jiran serta membincangkan masalah masing-masing. Setiap ahli dalam blok mempunyai ahli kumpulan Yassin dalam bloknya, begitu juga di kalangan penerokawati-penerokawati.

University of Malaya

## 4.13 SYARAT-SYARAT PATUT TERDAPAT PADA AJK JKKR

Pemimpin merupakan golongan yang dihormati dan disegani bukan ditakuti, mereka mestilah seorang yang amanah, bijak, dapat menyelesaikan apa sekalipun masalah yang dihadapi.

Lebih 26.5% dari responden yang dikaji mengatakan mereka mengkehendaki seorang AJK JKKR seorang yang amanah sementara 6% memilikinya sebagai pilihan kedua dan 2.4% memilihnya sebagai pilihan ketiga.

Terdapat 15.6% dari responden yang dikaji mahukan seorang pemimpin yang berpengalaman, samada dalam hal sosial, ugama dan politik, menurut mereka melalui pemimpin yang berpengalaman akan dapat membawa masalah peneroka ke peringkat lebih tinggi seperti ke Jawatankuasa Kemajuan Rancangan Peringkat Wilayah dan Nasional (Jawatankuasa Perunding Peneroka).

University of Malaya

Jadual 4.14 Syarat-syarat patut terdapat pada AJK JKKR mengikut pendapat peneroka. (Mengikut keutamaannya).




Skala:2sm :5

Data berdasarkan borang soalselidik.

Pendapat ini berdasarkan pandangan 30 orang responden.

## BAB V: AKTIVITI DAN PERANAN JAWATANKUASA KEMAJUAN RANCANGAN FELDA AIR HITAM, JOHOR.

### 5.1. Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) FELDA Air Hitam(FAH)

Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) FELDA Air Hitam (FAH) secara resminya telah ditubuhkan pada tahun 1971. Sebelumnya sebuah 'Majlis Sementara Perunding Peneroka' telah dibentuk, bersesuaian dengan polisi FELDA mengadakan 'Settler Social Development' yang ditubuhkan pada tahun 1967. Majlis ini mempunyai wakil-wakil peneroka yang berbentuk sementara sahaja, dilantik oleh peneroka sebagai ketua mereka dalam membantu, merundingkan masalah, memberi pendapat dan sebagai -nya.

JKKR FAH ini mengandungi wakil dari 13 blok dan penubuhan blok-blok ini adalah berdasarkan kepada kumpulan Yassin yang telah ditubuhkan pada peringkat awal kemasukan peneroka. Sesebuah blok itu mengandungi 20-25 buah rumah, walaupun menurut polisi FELDA setiap blok sepatutnya hanya mempunyai 12-15 buah rumah untuk memudahkan pentadbiran. FELDA tidak berjaya merombak struktur ini kerana peneroka-peneroka dalam tiap-tiap kumpulan Yassin ini telah begitu mesra antara satu sama lain.

Tiap-tiap satu blok mempunyai seorang ketua blok yang dilantik oleh peneroka-peneroka sendiri atas persetujuan FELDA dan memegang jawatan tersebut selama 3 tahun pengundian baru dijalankan. Kesemua peneroka di rancangan ini adalah merupakan ahli JKKR secara otomatik tetapi penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti JKKR adalah bergantung kepada kehendak masing-masing.

University of Malaya

JKKR di rancangan ini mengadakan mesyuarat 2 kali dalam satu bulan iaitu pada awal bulan diadakan mesyuarat ahli Jawatankuasa (AJK) dan pada akhir bulan diadakan pula 'Mesyuarat Exco JKKR.' Perkara-perkara yang diperbincankan selalunya di sekitar masalah peneroka seperti masalah air, jalan tanah merah, membenteraskan dadah dan sebagainya. Selain daripada itu dibentangkan juga aktiviti-aktiviti biro - biro dibawah JKKR - Biro Ekonomi, Biro Sosial dan Masyarakat, Biro Ladang dan Biro Pelajaran membincangkan kejayaan dan kegagalan perjalanan sesuatu projek. Selain daripada itu dalam mesyuarat ini segala lapuran-lapuran bulanan Gerakan Persatuan Wanita(GPW) dan Persatuan Belia.

Perlantikan ketua-ketua blok di rancangan ini adalah berdasarkan;

i. Populariti seseorang, mempunyai personaliti tinggi, dihormati serta dipercayai dapat menjalankan tugas.

ii. Mematuhi tata tertib FELDA dan tidak pernah melanggar tatatertib dan undang-undang dilancarkan oleh FELDA.

iii. Berpengalaman dalam urusan kemasyarakatan.

Ini kadang-kadang menyebabkan seorang ketua blok memegang jawatan tersebut selama 3 penggal berturut-turut kerana peneroka-peneroka di-bloknya merasakan bahawa orang lain tidak mungkin dapat menjalankan pekerjaan yang dilakukannya serta peneroka telah memberi kepercayaan penuh kepada seseorang ketua blok dan juga terdapat masalah untuk mendapatkan pengganti yang benar-benar berkalibar dalam mentadbirkan JKKR.

University of Malaya

5.2. POLA PENTADBIRAN.

Terdapat dua bentuk pentadbiran di Rancangan ini iaitu JKKR dan FELDA. JKKR ditubuhkan antara lain bertujuan untuk memberi latihan-latihan kepada ahli-ahli masyarakat rancangan tentang cara-cara tadbiran serta pengurusa rancangan mereka supaya lama ke lamaan pentadbiran akan dapat diserahkan kepada mereka. JKKR di rancangan ini mempunyai 13 AJK, komposisinya adalah seperti berikut: di jadual 5.1. Sementara komposisi kakitangan FELDA pula ialah di jadual 5.2.

University of Malaya

5.1. Komposisi JKKR di Rancangan FELDA AIR HITAM




University of Malaya

5.2. Kedudukan Pentadbiran FELDA Air Hitam.




Tambahan:Pemandu Landrover seorang.

Pemandu traktor seorang.

Seorang penjaga stor.

Seorang budak pejabat.

SDA (W) - Pembantu Pegawai Pembangunan.

SDA (L) - Pembantu Pegawai Pembangunan hal agama.

University of Malaya

Walaupun begitu ketua-ketua blok di situ diberi kuasa dalam mengawasi danmentadbir rancangan, namun kuasa penuh dan pengurusan masih terletak ditangan Pengurus dan Pegawai- pegawai FELDA.Perkara ini menunjukkan seolah-olah AJK JKKR cuma membuat sesuatu projek berdasarkan kehendak dan persetujuan dari pengurus serta kakitangan FELDA JKKR tidak mempunyai kuasa untuk mengadakan sesuatu projek tanpa kebenaran. Didapati juga apabila terdapat sesuatu masalah para peneroka malahan ketua blok akan pergi terus bertemu pengurus ataupun kakitangan FELDA untuk menyelesaikan masalah mereka. Kebanyakan peneroka apabila disoal, mengapa perkara seperti ini berlaku, alasannya:

i. Kerana kebanyakan mereka merasakan bahawa ketua-ketua blok adalah seperti mereka iaitu peneroka juga, rendah taraf pelajaran dan sebagainya, jadi bagaimana orang-orang yang mempunyai persamaan taraf dengan mereka dapat menyelesaikan masalah.

ii. Kadangkala susah hendak bertemu dengan ketua-ketua blok kerana mereka mempunyai urusan sendiri.

iii. Kuasa bertindak tidak terdapat pada ketua-ketua blok tetapi pada pengurus dan kakitangannya dan mengapa harus membuang masa bertemu dengan ketua-ketua blok.

iv. Mereka memberi penghormatan dan sanjungan yang tinggi kepada kakitangan FELDA kerana kakitangan ini diandaikan oleh masyarakat peneroka sebagai orang-orang yang memahami polisi FELDA.

5.3. AKTIVITI-AKTIVITI JKKR DIPERINGKAT BLOK DAN DIPERINGKAT RANCANGAN.

JKKR telah menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk mengutamakan dan memajukan usaha-usaha peneroka-peneroka untuk pembangunan dan kemajuan rancangan dari segi ekonomi, sosial dan keagamaan. Diharapkan melalui aktiviti-aktiviti ini kelak akan dapat menjalinkan persefahaman diantara peneroka-peneroka untuk mendapat suasana muhibbah dan damai. Untuk memperlihatkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan di sini, maka pengkaji akan membincangkannya melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh biro-biro di bawah JKKR.

(i) BIRO SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN.

(a).AKTIVITI -AKTIVITI DIPERINGKAT BLOK.

Kajian telah membuktikan bahawa pakatan blok untuk rewang pengantin merupakan satu institusi sosial tidak resmi yang diasaskan oleh JKKR. Para peneroka disetiap blok di samping memberi sumbangan wang sebanyak $7.00 dari sebuah keluarga, akan juga memberi sumbangan tambahan sama ada dalam bentuk wang ataupun barangan seperti beras, susu, gula, kelapa dan sebagainya ataupun dalam bentuk perkhidmat--an, misalnya menolong memasak lauk- pauk, membuat kuih- muih menolong melayan tetamu, membuat khemah dan sebagainya.Pinggan-mangguk, periuk-belanja dan khemah untuk kenduri- kendara dan majlis perkahwinan merupakan kepunyaan bersama para peneroka dalam satu blok yang sama, di mana para peneroka akan mengumpulkan wang yang cukup untuk beberapa lamanya, untuk membeli perkakas tersebut .

Dari segi agama pula, didapati bahawa kumpulan Yassin dan Tahlil merupakan aktiviti peringkat blok yang paling penting dan aktif. Walaupun pengkaji cuba menegaskan kepada peneroka bahawa aktiviti Yassin dan Tahlil bukannya merupakan salah satu aktiviti JKKR, tetapi ini disangkal oleh peneroka, menurut mereka bahawa,'Kalau tidak ada JKKR maka tidak akan ada kumpulan Yassin dan begitu sebaliknya.'Ini adalah berdasarkan bahawa blok-blok JKKR adalah berdasarkan kumpulan Yassin dan melalui kumpulan Yassin yang diadakan pada tiap-tiap malam Jumaat, maka peneroka akan dapat bertemu dengan ketua blok untuk membincangkan masalah mereka serta dapat juga merapatkan hubungan peneroka-peneroka dalam satu blok yang sama.

(b).AKTIVITI PERINGKAT RANCANGAN.

Pada tahun ini diadakan satu pameran membenteras dadah dan ceramah-ceramah mengenai penyalahgunaan dadah diberikan. Untuk mengujud -kan masyarakat sihat, maka biro sosial telah mengadakan kegiatan sukan seperti Sukan Rakyat yang bakal diadakan pada bulan Oktober tahun ini dan mengandungi aktiviti-aktiviti permainan tempatan seperti bermain 'congkak', kukur kelapa dan sebagainya, diadakan juga kegiatan sukan untuk para belia di rancangan seperti bermain bolasepak, takraw dan sebagainya.

Aktiviti seterusnya ialah aktiviti gotong royong yang diadakan sekali dalam sebulan, sama ada membersihkan kawasan permainan, sekolah, masjid, tadika dan kawasan perkuburan. Tayangan gambar pula diadakan sebulan sekali supaya peneroka tidak merasa jemu tinggal di rancangan,

University of Malaya

cerita-cerita yang ditayangkan adalah cerita Inggeris, Melayu dan Indonesia. Pertunjukan pentas juga diadakan sebanyak 2-3 kali setahun iaitu dari pentas bergerak FELDA dan badan-badan bangsawan lain. Semasa pengkaji disana pengkaji berkesempatan menyaksikan sebuah tayangan gambar Indonesia bertajuk 'Sikrit Kemelut' dan pentas bergerak FELDA.

Aktiviti agama yang dijalankan dalam rancangan adalah seperti Maulud Nabi, ceramah dan mengadakan kelas-kelas agama seminggu sekali iaitu pada tiap-tiap petang Khamis. Penceramah-penceramah yang dijemput adalah terdiri daripada Tuan Iman dan kadi daerah serta merta yang bertauliah sahaja boleh mengadakan syarahan di masjid dan sekolah agama serta mesti mendapat kelulusan dari Pengurus.

Ada juga aktiviti kesenian seperti Nasyid, Kompang dan Silat, serta mengadakan aktiviti menunjuk bakat dalam kraftangan dikalangan anak-anak peneroka. Kelas-kelas jahitan, gubahan dan memasak juga diadakan.

(ii). BIRO EKONOMI.

a. PERINGKAT BLOK.

Kegiatan ekonomi peringkat blok tidak begitu banyak, tetapi yang paling jelas bahawa JKKR menggalakkan peneroka-peneroka menanam sayur-sayuran dan buah-buahan disekeliling rumah supaya dapat menjimatkan perbelanjaan dan menambahkan pendapatan dengan hasil jualan tersebut.

.b. PERINGKAT RANCANGAN.

Menyahut seruan kerajaan untuk mengadakan projek-projek 'Buku Hijau' di rancangan ini. Dikawasan rancangan ini terdapat banyak tanah kosong dan dari dibiarkan ditumbuhi lalang yang merupakan satu pembaziran, jadi untuk menambahkan pendapatan peneroka, mereka yang berminat akan diberi tanah 8 ekar( bukan hakmilik sendiri ) untuk menambahkan kelapa dan 2-4 ekar tanah untuk menanam sayuran dan buahan di rancangan tersebut.

Projek menternak lembu juga digalakkan sesiapa yang berminat. Semasa membuat kajian didapati bahawa hanya 9 orang peneroka yang terlibat dan terdapat 59 ekor lembu, dimana cuma 39 ekor sahaja mengeluarkan susu dan 20 ekor lagi masih kecil. Penghasilannya setiap hari ialah 165 kilo susu dengan hanya sekilo ialah 80¢, ini bererti bahawa dalam masa sehari pendapatan peneroka yang terlibat ialah 165 kilo kali 50¢ = $132.00. JKKR telah menolong menguruskan penternak -an ini melalui bantuan daripada Pusat Rancangan Daging dan Penusu ( RDP ) yang bertindak sebagai peminjam kepada peneroka dan menyediakan lembu-lembu yang bermutu tinggi. Pinjaman juga didapati dari Bank Bumiputra dan segala urusan pembayaran balik adalah melalui JKKR. Pasarannya akan dilakukan melalui Pusat Rancangan Daging dan Penusu.

JKKR di rancangan ini juga telah mengadakan projek ternakan ikan air tawar. Projek ini dimulakan pada tahun 1980 di kawasan sebuah tasik yang berdekatan. Hingga sekarang hanya 21 orang sahaja yang melibatkan diri dalam projek tersebut. Terdapat 39 buah kolam ikan

dengan keluasan 250' kali 50' . Penternak-penternak ini mendapat bantuan subsidi dari kerajaan negeri untuk membina kolam tersebut iaitu $ 5,800 untuk sebuah. Penghasilannya sehingga sekarang ini agak mengecewakan iaitu hanya $7,452.21, perkara ini berlaku akibat daripada :

(1). Tidak terdapat kaedah untuk mengawal banjir. Apabila berlaku banjir maka ikan-ikan tersebut akan hanyut bersama-sama.

(2). Peneroka-peneroka terpaksa membeli benih-benih ikan itu sendiri, walaupun JKKR memberi bantuan dalam bentuk pinjaman, membeli makanan ikan,menyelaraskan dan sebagainya.

Baru-baru ini JKKR telah menjalankan projek menternak ikan dalam sangkar. Hanya 2 orang yang terlibat dalam projek tersebut. Setiap pembinaan sangkar dan kolam untuk menternaknya akan diberi subsidi oleh kerajaan negeri sebanyak $5,000. Peneroka-peneroka yang berminat boleh mendapatkan pinjaman daripada Jabatan Perikanan tetapi mesti melalui JKKR dan akan membayar hutangnya melalui JKKR juga. Di sini JKKR bertindak sebagai orang tengah.

Di samping penggalakkan terhadap menambahkan pendapatan peneroka, biro ekonomi tidak juga ketinggalan dalam membuat sedekah jariah. Apabila terdapat kematian, mereka tidak ketinggalan mendermakan kepada keluarga si mati tersebut. JKKR menderma sebanyak $150 kepada keluarga simati apabila yang meninggal adalah peneroka atau isterinya ataupun mertua mereka yang tinggal dalam rancangan dan meninggal di sana tetapi kalau mertua mereka meninggal diluar rancangan, luaran rancangan bantuan yang diberi hanya $100 sahaja. Untuk anak-anak peneroka yang

meninggal akan diberi bantuan sebanyak $50. Terdapat juga bantuan sakit berpanjang dan tidak dapat menjalankan kerja menoreh getah lagi iaitu sebanyak $15.00 sebulan seumur hidup ataupun sembuh semula.

Melalui biro ekonomi ini juga JKKR telah menanam modal kedalam kedai kooperasi di rancangan ini, atas peneroka. Modal yang dikeluarkan untuk membeli saham kooperasi itu ialah sebanyak $43,000. Di samping JKKR menggalakkan peneroka-peneroka menanam lebih banyak modal di kooperasi ini supaya pembangunan ekonomi rancangan akan dapat di majukan, Sekarang ini kooperasi tersebut selain dari mempunyai kedai runcit, juga mempunyai 2 buah bas sekolah untuk memberi perkhidmatan pengangkutan kepada pelajar-pelajar serta guru-guru yang belajar dan mengajar diluar rancangan. Peneroka-peneroka boleh menetapkan beberapa banyak saham yang hendak dibeli dan diberi pendahuluan serta pinjaman oleh JKKR dan seterusnya akan memotongnya dari pendapatan peneroka dan jumlahnya bergantung pada jumlah yang dipinjam.

JKKR mengadakan aktiviti menggalakkan tabungan Bir Ekonomi telah memungut sebanyak $10 dari peneroka untuk membuat pelaburan pokok di Amanah Saham Nasional (ASN ), mereka mengharap melalui cara ini peneroka akan dapat menambahkan simpanan apabila ' Perkhidmatan Bergerak ASN ' berada di rancangan. JKKR juga tidak ketinggalan menjemput pegawai-pegawai kanan ASN untuk memberi ceramah tentang kebaikan dan faedah yang bakal didapati melalui laburan ASN, ini memandang-kan peneroka-peneroka kurang faham atau takut diexploit oleh mereka yang anti ASN dengan mengadakan beberapa tohmah-tohmah seperti ASN adalah salah dari segi Islam.

(iii). BIRO PELAJARAN.

PERINGKAT RANCANGAN.

JKKR mengadakan kelas-kelas bimbingan pelajaran kepada pelajar-pelajar yang sedang menghadapi peperiksaan seperti SRP dan SPM.Kelas-kelas ini akan diadakan pada hari-hari cuti sekolah dan terdapat guru-guru khas yang diupah oleh JKKR. Kelas bimbingan ini mempunyai 90 murid iaitu 60 orang untuk SPM sementara 30 lagi untuk SRP dan terdapat 6 orang guru upahan yang mengajarnya. Bersama Persatuan Belia di rancangan ini, Biro Pelajaran telah membina sebuah perpustakaan di rancangan ini dinamakan Bilik Bacaan Rancangan (BBR). JKKR telah menghulur bantuan sebanyak $5,000 untuk membeli buku-buku, mengecat bilik tersebut, membeli perkakas yang diperlukan.

Biro Pelajaran juga menganggotai Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) di sekolah rancangan dan sekolah ugama di sana. Perkara-perkara yang ditinjau ialah mengenai pencapaian pelajar dalam perlajaran, melihat juga masalah sosial yang mula mengular iaitu 'ponteng sekolah' murid-murid yang didapati ponteng sekolah selama 2 hari berturut-turut tanpa sebab akan dilapurkan kepada ibubapa mereka supaya tindakan selanjutnya akan dapat diambil. Salah satu aktiviti yang dapat dibanggakan ialah bahawa sekolah ugama di rancangan ini telah terpilih untuk mengadakan musabaqah membaca Al-Quran peringkat sekolah-sekolah daerah Kluang dan Batu Pahat. Persiapan untuk musabaqah ini telah digabungkan atas usahasama PIBG, JKKR dan Persatuan Belia , untuk memastikan kejayaan.

Tugas Biro Pelajaran seterusnya ialah mengambilberat tentang hal-hal anak-anak peneroka yang tinggal di asrama FELDA sama ada

di Kuantan,Kuala Lumpur danJohor Baru. Mereka memastikan bahawa anak-anak peneroka ini tidak menghadapi masalah serius yang bakal menganggu pelajaran mereka. Ini juga menunjukan kepada pelajar-pelajar bahawa mereka tidak keseorangan di rantau tetapi diambilberat, dan kepada merekalah harapan meninggikan mutu pelajaran dan menaikkan nama rancangan diletakkan JKKR akan memotong sebanyak $30 dari pendapatan peneroka untuk membayar asrama-asrama tempat anak-anak mereka.

Biro Pelajaran tidak keberatan menjalankan aktiviti memberi bantuan persekolahan kepada anak-anak peneroka sama ada melalui tabungan mereka sendiri ataupun melalui 'Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi' dari FELDA. Melalui tabungan JKKR sendiri, mereka akan menderma wang saguhati sebagai $100 sahaja kepada anak-anak peneroka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti, walaupun jumlahnya hanya $100 tetapi pemegian pelajar tersebut ke Universiti telah menunjukkan bahawa masyarakat rancangan begitu berbangga atas kejayaan, seolah-olah merupakan kejayaan semua pihak di rancangan ini.JKKR juga memberi bantuan pinjaman peperiksaan sama ada peperiksaan SPM ataupun STPM kepada anak-anak peneroka sebanyak $100 dan akan dipotong dari pendapatan peneroka tersebut. Di samping itu JKKR melalui Biro Pelajaran telah berusaha mendapatkan lebih banyak bantuan Persekolah dari FELDA demi kepentingan anak-anak peneroka di rancangan mereka. Pada tahun 1984 sahaja, mereka telah berjaya mendapatkan 7 buah borang untuk 'Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi' dari FELDA untuk khusus-khusus berikut:

i. Khusus Ijazah- $ 3000 setahun.

ii. Khusus Diploma - $ 2000 setahun.

iii. Khusus Diploma (ITM)- $1,500 setahun.

Tetapi masalahnya sekarang ialah tidak ada siapa yang hendak memohon untuk skim pinjaman ini. Ini muncul akibat dari 2 sebab utama:

i. Ianya hanya merupakan pinjaman dan mesti dibayar balik, sedangkan pelajar-pelajar ini mempunyai harapan besar untuk mendapatkan biasiswa ataupun dermasiswa dari Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak swasta.

ii. Jumlah yang diberikan adalah terlalu kecil untuk menampung keperluan pelajar-pelajar ini di pusat pengajian.

(iv).BIRO LADANG.

- AKTIVITI PERINGKAT RANCANGAN.

Untuk memastikan kawasan ladang bersih, Biro Ladang akan memungut sebanyak $15 sebulan dari pendapatan peneroka, melalui wang ini akan digunakan untuk membersihkan ladang peneroka kalau didapati kebersihanya adalah kurang memuaskan, sebaliknya kalau kebun peneroka itu didapati bersih, wang kutipan itu akan dibayar kembali pada tiap-tiap penghujung tahun. Jadual 5.1a dan 5.1 b akan menunjukkan kebersihan ladang sehingga 31.3.84 berdasarkan data didapati dari Lapuran Minit Mesyuarat EXCO JKKR FAH yang ke 4 pada tahun 1984.

University of Malaya

Jadual: 5.1a. KEDUDUKKAN KEBERSIHAN LADANG KEBERSIHAN TERES (HEKTAR).

| PERINGKAT | LUAS | BERSIH | TIDAK BERSIH |
|---|---|---|---|
| 1 | 367 | 232 | 135 |
| 2 | 353 | 168 | 185 |
| 3 | 336 | 201 | 135 |
| Jumlah | 1,056 | 601 | 455 |

Jadual: 5.1b. KEDUDUKKAN KEBERSIHAN ' DADA TERES' (hektar)

| PERINGKAT | LUAS | BERSIH |
|---|---|---|
| 1 | 367 | 217 |
| 2 | 353 | 144 |
| 3 | 336 | 184 |
| Jumlah | 1,056 | 545 |

Dari kedua-dua jadual tersebut didapati bahawa kebersihan ladang adalah kurang memuaskan, Biro Ladang telah diperwajibkan meningkatkan pencapaian penjagaan ladang dan seterusnya Biro Ladang akan memberi arahan kepada Jawatankuasa Ladang yang di bawah pentadbirannya supaya meningkatkan usaha penjagaan ladang. Seperti yang telah diterangkan pada awalnya bahawa Jawatankuasa Ladang didapati pada tiap-tiap peringkat iaitu 1,2 dan3, tugasnya ialah menjaga kebersihan dan penjagaan ladang.

Biro Ladang terpaksa memastikan bahawa penghasilan sampai pada taraf yang telah ditetapkan dan seterusnya akan membawa lapuran penghasilan tersebut ke Mesyuarat EXCO JKKR. Kalau penghasilan susu getah tidak sampai pada taraf anggarannya maka Biro Ladang terpaksa menjawab segala pertanyaan dari Pegawai FELDA serta sebab kegagalannya. Jadual 5.2. menunjukkan bahawa penghasilan susu getah dan getah scrap (kilogram) adalah melebehi dari anggarannya.

Jadual :5.2. PENGHASILAN SUSU GETAH DAN GETAH SCRAP DILAPURKAN BULAN MAC 1984.(kilogram).

| PERINGKAT | ANGGARAN | SEBENAR | LEBIHAN DARI ANGGARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | 31,120 | 34,191 | 3,071 |
| 2 | 29,178 | 49, 686 | 20,508 |
| 3 | 29,392 | 44,297 | 14,905 |
| 4 | 5,742 | 7,349 | 1,607 |
| Jumlah | 95,432 | 177,770 | 89,687 |

Satu lagi tindakan Biro Ladang untuk memastikan pekerja membaca metrolax, membaca dengan betul dengan menjadikan pemeriksaan mengejut bila-bila masa. Contohnya menurut Lapuran Minit EXCO JKKR 4/84 bahawa pada bulan Febuari bahawa timbangan peneroka lebih dari timbangan pembeli iaitu:

1. Timbangan Pembeli -125,644 kg.

2. Timbangan Peneroka - 128,812kg-3,168 kg.

Biro Ladang ditugaskan untuk memberitahu peneroka tentang harga pasaran bagi getah kering supaya peneroka akan dapat menentukan pendapatan mereka tidak dan tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Jadual 5.3. Anggaran Harga Bagi Bulan Mac 1984

i. Getah Kering - $203. 00 setan.

ii. Getah Scrap - $101.00 setan.

Aktiviti-aktiviti Biro Ladang seterusnya mengadakan dan membaiki jalan ke ladang, membina jambatan-jambatan runtuh dan sebagainya, kalau tidak sudah tentu pekara seperti ini akan menyulitkan lagi perkerjaan peneroka. Segala lapuran dari Jawatankuasa Ladang akan disemak oleh Biro Ladang dan memastikan tugas-tugas dijalankan dengan baik, serta memastikan bahawa PMG telah menjalankan tugas dan menentukan bahawa lori-lori angkut datang mengambil pengangkutan pada waktu yang telah ditentukan.

## 5.4. PERANAN JKKR DI RANCANGAN FELDA AIR HITAM.

JKKR di rancangan ini memainkan peranan utama dalam memenuhi keperluan sosial seperti mengujudkan masyarakat yang bersatupadu, berkerjasama serta merapatkan perhubungan diantara peneroka dengan peneroka, peneroka dengan kakitangan FELDA dan peneroka dengan masyarakat luar rancangan. Melaluinya diharapkan akan membentuk satu persefahaman dan sebarang perselisihan yang berlaku akan dapat dibenteraskan dan hidup sebagai satu keluarga di dalam rancangan ini.

Proses penyatupaduan ini penting kerana didapati walaupun kesemua peneroka disitu berbangsa Melayu dan berasal dari Negeri Johor, namun mereka berasal dari rumpunan kelompok yang berlainan seperti Bugis dan Jawa berkelompok diantara mereka. Pekara seperti ini tentunya membawa kepada porak peranda didalam masyarakat rancangan, ianya merupakan pekara yang sensitif, sukar serta payah untuk di atasi. JKKR telah dapat membentuk semangat persaudaraan, menggalakkan semangat kerjasama dengan mengadakan gotong-royong, pakatan kerja kahwin, mengadakan ceramah agama dan seterusnya seperti di atas.

JKKR telah mengatur kegiatan-kegiatan ekonominya dengan teliti sama ada secara 'formal' dan 'informal' - menyusun kegiatan ekonominya, menerangkan dan menyedarkan kepentingan keperluan ekonomi, membantu dari segi kewangan dan moral. Melalui kegiatan-kegiatan ekonomi ini akan dapat menambahkan pendapatan peneroka-peneroka dan membuat mereka tidak hanya bergantung pada harga pasaran. Kebanyakan hal-hal pentadbiran dikuasai oleh kakitangan FELDA, malahan dari segi kegiatan sosial dan kegiatan ekonomi JKKR masih bergantung kepada kakitangan FELDA untuk mendapatkan kebenaran dan kelulusannya. Ini bererti bahawa JKKR sebenarnya tidak banyak memainkan peranannya dalam rancangan melainkan mendapat persetujuan daripada FELDA .

Beberapa persoalan telah dapat ditimbulkan:

1. Dapatkan / Adakan JKKR di rancangan ini memainkan peranannya tanpa arahan dan kerjasama kakitangan FELDA?

2. Kalau JKKR dibubarkan adakah ianya dirasai oleh peneroka?

3. Apakah pendapat peneroka mengenai JKKR dari penyertaan dan aktivitinya?

5.5: DAPATKAH / ADAKAH JKKR DI RANCANGAN INI MEMAINKAN PERANANNYA TANPA ARAHAN DAN KERJASAMA KAKITANGAN FELDA.

Dalam kajian yang dijalankan didapati bahawa 30% daripada responden mengatakan mereka dapati bahawa JKKR tidak dapat memainkan peranan seperti mana dikehendaki oleh peneroka kerana kebanyakan aktiviti JKKR adalah menurut kehendak dan kelulusan FELDA. Sementara itu 70 % mengatakan bahawa JKKR dapat memainkan peranan seperti dikehendaki oleh mereka, tetapi bila disoal sama ada JKKR boleh memainkan peranannya tanpa FELDA hanya 20 % dari 70 % ini sahaja mengatakan 'ya' sementara 50 % hanya mengatakan ,mengapa tidak cuba dan bila sudah dicuba baru boleh diberi jawapannya.

JADUAL 5.4. ADAKAH JKKR DAPAT MEMAINKAN PERANANNYA SEPERTIMANA DIKEHENDAKI OLEH PENEROKA.

| | PENEROKA |
|---|---|
| i. Ya. | 70 % |
| ii. Tidak. | 30 % |

* DATA DIPEROLEHI DARI BORANG SOAL SELIDIK.

Jumlah 30 % merupakan jumlah yang besar kalau dibandingkan sudah lama JKKR ujud di rancangan ini. Berbagai alasan telah diberikan, contohnya:

KES 1.

Seorang responden daripada peringkat satu mengatakan bahawa jalan di rumahnya masih merupakan jalan tanah merah sedangkan sudah 22 tahun peringkat itu dibuka, beberapa ketua blok telah ditukarganti masih lagi jalan itu bertanah merah sedangkan kebanyakan jalan dirancangan itu telah bertar. Menurutnya ketua blok tidak mempunyai kuasa melainkan mensyorkan sesuatu pekara kepada kakitangan FELDA dan seterusnya pertimbangan akan dibuat.

Menurut beberapa responden bahawa AJK JKKR haya patuh ke atas arahan FELDA. Pekara seperti ini hanya menunjukkan bahawa JKKR merupakan badan perantaraan dan AJKnya sebagai orang tengah yang menghantar khabar gembira dan sedih kepada peneroka, tidak lebih daripada itu. Menurut mereka lagi bahawa JKKR hanya berperanan untuk kepentingan FELDA melalui polisi ditulis oleh mereka tanpa menuaikan. Lagipun menurut responden-responden ini mereka yang menjadi AJK adalah seperti mereka - peneroka serba kekurangan dan kepandaian jadi bagaimana hendak memainkan peranan tanpa bantuan dan kelulusan FELDA.

Semasa pengkaji membuat kajian di sana didapati bahawa ke - banyakan aduan-aduan dibawa peneroka terus ke pengetahuan pengurus, begitu juga segala apa yang hendak dilakukan mesti dibawa ke mesyuarat JKKR. Contohnya,

KES 1.

Seorang peneroka telah datang ke Pejabat untuk mengadu bahawa bekalan air tidak sampai ke kawasannya dan menimbulkan banyak kesulitan. Pengkaji menanyakan mengapa tidak sahaja mengadukan kepada ketua

blok dan tambahan ketua blok mungkin tidak ada di rumah kerana pergi menoreh ( 10.00 pagi).

KES 2.

Di salah satu mesyuarat yang dihadiri pengkaji dapati bahawa soal untuk menebang sebatang pokok pun mesti di bawa ke mesyuarat dan mendapat persetujuan daripada pengurus rancangan. Mengenai belanjawan untuk perbelanjaan musabaqah peringkat sekolah-sekolah daerah Kluang pun mesti mendapat persetujuan pengurus juga.

Melalui keterangan-keterangan yang didapati, pengkaji dapati bahawa JKKR sebenarnya bukanlah merupakan sebuah organisasi yang dapat bergerak sendiri dengan ahli-ahlinya tetapi merupakan sebuah cawangan dan menunggu perintah dan kelulusan dari badan induknya(FELDA) untuk menjalankan polisi-polisi dan aktiviti-aktiviti seperti mana dikehendaki oleh FELDA. Walaupun mungkin AJKnya cuba bergerak sendiri dan tidak bergantung kepada FELDA, namun ianya tidak dapat melepaskan dari ikatan pembuat polisi.

5.6. KALAU JKKR DIBUBARKAN ADAKAN IANYA DIRASAI OLEH PENEROKA.

Kesemua responden yang di soal mengatakan kalau JKKR dibubarkan ianya akan dirasai. Malahan mereka tidak mahu JKKR dibubar. Pengkaji menanyakan sekarang pun segala aktiviti dan peranan JKKR adalah menurut kehendak FELDA mengapa tidak sahaja dibubarkan dan FELDA mengambilalih semuanya sekali tidak payah melalui peringkat-peringkat seperti sekarang ini. Responden-responden ini tetap mengatakan JKKR tidak boleh dibubarkan.

Antara alasannya:

(1). AJK JKKR merupakan peneroka, jiran dan sahabat mereka, sudah tentu memahami apa yang di alami oleh mereka sedangkan kakitangan FELDA bertugas di pejabat, tidak tinggal bersama peneroka (kakitangan FELDA mempunyai kawasan perumahan sendiri di dalam rancangan), sudah tentu tidak dapat merasakan kehidupan peneroka dari awal kemasukannya.

(2). Lebih senang bertengkar, bertegang leher, berbincang, mengadu sesama mereka kerana AJK JKKR juga tidak berpelajaran seperti mereka dan dapat mengeluarkan pendapat setaraf pengetahuan mereka tanpa perlu melihat pada polisi FELDA.Kakitangan FELDA sangat dihormati kerana mereka diandaikan berpelajaran tinggi seterusnya segala perkara dibuat adalah melalui polisi FELDA.

(3). Kalau JKKR dibubarkan bererti tidak terdapat ketua blok lagi dan segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan mesti diterangkan oleh kakitangan FELDA kepada peneroka, kakitangan FELDA cuma 13 orang sahaja ( termasuk pemandu, budak pejabat dan jurutaip) bagaimana kakitangan ini hendak menuangkan kepada peneroka seramai 336 orang ini dan kalau merupakan satu kesusahan kepada peneroka kerana kebanyakan mereka tidak tahu membaca. Dengan adanya ketua blok akan memberitahu secara lisan dan dapat di soal jawab kembali kalau dengan pengurus dan kakitangan lain segan untuk bertanya.

(4). Kalau JKKR dibubarkan maka segala urusan hanya dengan pengurus maka ini menjadi seperti kehidupan ladang swasta dan peneroka tidak diwakili mereka tidak mahu hal ini berlaku.

Pengkaji tidak hanya menanyakan perkara ini kepada peneroka

tetapi juga kepada kakitangan FELDA disana.Mereka juga tidak menyetujui JKKR dibubarkan kerana ini akan lebih menyulitkan perlaksanaan. Lagipun menurut mereka JKKR merupakan sebagai badan perwakilan peneroka untuk menyarankan masalah yang dialami oleh mereka kerana mereka juga peneroka. Sebagai ketua-ketua blok mereka lebih rapat dengan peneroka setelah bertahun-tahun tinggal bersama, mengalami derita bersama, tolong-menolong dan sebagainya, sedangkan kakitangan hanya merupakan orang luar dan seringkali dipindahkan dari satu rancangan lain menurut kehendak pentadbir bagaimana orang luar dan tidak merasai kehidupan rancangan dan bermesra dengan peneroka.

Pengkaji dapati bahawa walaupun JKKR dikatakan tidak dapat memainkan peranannya oleh setengah pihak dan bergantung kepada FELDA namun JKKR masih diperlukan kerana peranannya sebagai satu badan perwakilan, supaya peneroka merasakan mereka diwakili dan peranan AJK sebagai jiran dan sahabat yang merapatkan hubungan dengan peneroka dan senang ditanyakan pekara-pekara tertentu. Dari itu didapati bahawa JKKR sebagai simbol kepada peneroka untuk merasakan bahawa mereka bukannya pekerja-pekerja ladang tetapi mempunyai hak atas ladang tersebut.

## 5.7: APAKAH PENDAPAT PENEROKA MENGENAI JKKR DARI SEGI PENYERTAAN PENEROKA DAN AKTIVITINYA.

Dari 30 responden yang dikaji 43% sahaja yang benar-benar aktif, mereka ini kesemuanya merupakan AJK JKKR. Sementara 50% lain kurang aktif penyertaannya dalam JKKR, ini adalah kerana mereka merupa-

kan ahli biasa dan hanya menghadir mesyuarat sekali dalam 3 tahun untuk pilihanraya dan mencalunkan ketua blok.

JADUAL 5.5: PENYERTAAN RESPONDEN DALAM JKKR.

| | Peneroka yang dikaji | % |
|---|---|---|
| 1.Aktif | 13 | 43 |
| 2.Sederhana | 2 | 7 |
| 3.Kurang Aktif | 15 | 50 |

DATA DARIPADA QUESTIONAIRE.

1.Aktif - mereka merupakan AJK ataupun bukan AJK tetapi melibatkan diri dalam kebanyakan aktiviti JKKR.

2.Sederhana -mereka yang sekali-sekala menceburkan diri kedalam aktiviti JKKR.

3.Kurang aktif - mereka yang jarang sekali menceburikan diri kedalam aktiviti JKKR.

Kebanyakan responden mengatakan bahawa mereka kurang aktif kerana :

Pertama,mereka bukan AJK memang perlu menghasilkan masa dengan aktiviti-aktiviti JKKR kerana aktiviti ini hanya untuk AJKnya dan kumpulan tertentu.

Kedua, mereka sudah lanjut umur dan perlukan lebih masa untuk berehat daripada melakukan pekerjaan yang tidak diperlukan.

University of Malaya

Pengkaji cuba menerangkan bahawa aktiviti JKKR meliputi semua peneroka, tetapi kebangakan responden ini mengatakan bahawa mereka juga menceburikan diri dalam aktiviti penting JKKR iaitu membayar yuran $ 3.20 sebulan. Menurut responden-responden bahawa JKKR akan memotong yuran dari gaji mereka setiap bulan dan mereka tidak pernah menyoalkan kegunaan yuran tersebut.

Menurut AJK JKKR pula, agak payah mendapatkan peneroka-peneroka untuk menyertai aktiviti yang dijalankan kerana kebanyakan peneroka mengatakan mereka sudah tua dan kekurangan masa untuk mengiatkan diri dalam projek-projek JKKR. Sementara menurut para belia pula bahawa JKKR sepatutnya ditadbirkan oleh orang-orang muda bukannya mereka yang mudah lanjut usia dan seringkali orang-orang yang sama menjadi ketua-ketua blok dan ahli EXCO.

Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh JKKR ialah penyertaan peneroka yang kebanyakan sudah lanjut umur dan kurang aktif, sedangkan aktiviti-aktiviti JKKR memerlukan mereka yang aktif dan masih kuat dari segi fizikal. Menurut salah seorang AJK JKKR bahawa pada tahun 60 an sehingga pertengahan 70 an, apabila diadakan projek gotong royong semuanya menghadirkan diri tetapi sekarang untuk mendapatkan setengah dari peneroka untuk datang adalah agak payah. Ini bukan bererti mereka tidak mahu hadir tetapi disebabkan usia yang tua dan tidak kuat lagi menjalankan kerja berat. Maka kadangkala untuk membersihkan kawasan rancangan JKKR terpaksa mengupahkan kepada orang-orang luar.

Terdapat 17% daripada responden dikaji tidak puashati atas segala aktiviti-aktiviti sama ada peringkat blok dan peringkat rancangan,

University of Malaya

sementara 83% menyetujuinya.

JADUAL 5.6: PENDAPAT PENEROKA MENGENAI AKTIVITI JKKR PERINGKAT BLOK DAN RANCANGAN.

| | PENEROKA YANG DIKAJI | % |
|---|---|---|
| Setuju | 25 | 83 |
| Tidak | 5 | 17 |

DATA DARI QUESTIONAIRE.

Alasan golongan minority ini bahawa segala aktiviti-aktiviti JKKR adalah untuk golongan tertentu dalam rancangan sementara golongan lain dibiarkan sahaja.Pengkaji menerangkan bahawa JKKRmemerlukan penyertaan semua pihak ke dalam aktiviti-aktiviti supaya akan berjaya, menurut responden-responden ini bahawa bagaimana orang-orang yang setaraf dengan mereka dapat menjalankan projek dan melaksanakan polisi FELDA.

Melalui keterangan-keterangan di atas didapati bahawa walaupun JKKR berperanan menjalankan aktiviti-aktivitinya namun perasaan prasangka peneroka bahawa JKKR seperti mereka berpelajaran rendah, peneroka dan tidak mengetahui apa-apa maka kegagalan JKKR untuk menunjukkan peranannya sebagai sebuah organisasi berpotensi di masa depan adalah disebsbkan oleh peneroka-peneroka sendiri yang tidak sanggup menerima pimpin di kalangan mereka.

5.8:PENTADBIRAN.

Kuasa merupakan pekara penting dalam mengujudkan dan menjalankan sesebuah organisasi, melaluinya boleh mengujudkan kerjasama dan juga konflik.

'Power enables the control of organizational resource and consequently, the control of people'. (Robert A. Ullrich, pg. 276).

AJK JKKR Air Hitam sebenarnya tidak mempunyai kuasa penuh dalam hal-hal pentadbiran boleh dikatakan semua hal pentadbiran berkaitan dengan rancangan, pengurusan dan ladang dikuasai oleh kakitangan FELDA. JKKR hanya merupakan saduran akan segala projek-projek yang ingin dilancarkan oleh FELDA dan pencapaian sesuatu projek. Walaupun JKKR telah 13 tahun ditubuhkan tetapi hanya merupakan satu badan perantaraan antara peneroka dengan pegawai FELDA sahaja. Tugas JKKR seterusnya menerima lapuran dari peneroka dan akan membawa lapuran tersebut dalam mesyuarat yang diadakan dua kali sebulan, kadangkala masalah tersebut tidak dapat diselesaikan kerana terdapat pihak-pihak tertentu yang tidak puashati. Untuk menjalankan sesuatu projek AJK JKKR terpaksa mendapatkan kebenaran dan kelulusan FELDA, kalau FELDA merasakan projek yang dicadangkan itu tidak bersesuaian dan membazirkan wang, maka tidak dijalankan, Perkara seperti ini sudah tentu kadangkala membawa kepada kebangkitan konflik terutama diantara AJK JKKR dengan pegawai / kakitangan FELDA dan antara AJK JKKR dengan peneroka-peneroka.

Akibat dari keujudan keadaan membawa kepada beberapa pekara ke dalam kehidupan peneroka:

Pertama, terdapatnya orang-orang yang sama menjadi AJK JKKR kerana peneroka lain dan para belia merasakan bahawa tugas-tugas yang dipikul oleh JKKR kerana peneroka lain dan para belia merasakan bahawa tugas-tugas yang dipikul oleh JKKR adalah ringan, tidak mendatangkan hasil,menghabiskan masa dan sebagainya.

JADUAL 5.7 :PADA PENDAPAT PENEROKA PATUTKAH ORGANISASI DAN PERJALANAN PENTADBIRAN JKKR DIPERBAIKI.

| | Responden | % |
|---|---|---|
| Ya. | 5 | 17 |
| Tidak | 25 | 83 |

Pada golongan minoriti ini bahawa pentadbiran oleh orang-orang yang sama akan membawa polisi yang sama dan mereka mahukan FELDA kurangkan campurtangan ke dalam pentadbiran JKKR, mengapa tidak AJK JKKR dibenarkan sekali-sekala membuat keputusan tanpa dibawa ke mesyuarat. Pada golongan tidak menyetujui, menganggap bahawa kalau orang-orang yang sama tidak menjadi ketua siapa lebih layak dan sanggup memikul tanggungjawab itu dan mereka bersetuju FELDA menguasai sebahagian besar pentadbiran supaya pentadbiran akan berjalan lebih kemas lagi.

Kedua, dalam mesyuarat JKKR terdapat tegang leher di antara AJK dengan pegawai FELDA walaupun kadangkala mengenai perkara kecil. Menurut beberapa AJK JKKR bahawa JKKR sepatutnya dibebaskan dari

-pada penguasaan FELDA kerana sudah lama ianya diujudkan maka sudah tentu dapat berdiri atas kaki sendiri dengan latihan-latihan yang diterima selama ini, seminar-seminar yang dihadiri dan sebagainya. Tetapi apa yang diperlukan oleh JKKR ialah keyakinan daripada pihak FELDA dan peneroka sendiri.

Ketiga, walaupun JKKR dikatakan sebagai badan perwakilan peneroka dan pemilihan calun-calunnya adalah demokrasi tetapi sebelum pilihanraya diadakan nama calun-calun yang dicadangkan akan terlebih dahulu di hantar ke Pejabat Wilayah untuk mendapatkan persetujuan ke atas penamaan calun tersebut , kalau terdapat penamaan calun yang tidak disetujui maka dianya akan digugurkan dan memilih calun lain, pekara seperti ini boleh membawa kepada kurangnya sifat berkerjasama di - kalangan peneroka. Oleh itu ahli-ahli JKKR sendiri tidak berperanan dalam memilih calun-calun yang mereka sokong melainkan mendapat persetujuan daripada FELDA.

Daripada huraian di atas pengkaji mendapati bahawa JKKR di rancangan ini hanya merupakan sebuah badan perantaraan di antara peneroka dengan pegawai FELDA. Mereka tidak mempunyai kuasa dan suara dalam pentadbiran, pengurus dan perlaksanaan. JKKR di sini hanya berperanan menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah digaris kasarkan oleh FELDA seperti mana juga dijalankan di rancangan-rancangan lainnya. Penubuhannya adalah supaya peneroka di rancangan merasakan mereka diwakili oleh sebuah badan yang terdiri daripada peneroka-peneroka juga dan dapat peneroka-peneroka mengadu dan membuat cadangan serta bantahan. Dengan adanya JKKR akan senang melaksanakan pentadbiran melalui pengkhususan

University of Malaya

tertentu iaitu:




Peneroka membawa masalah ke ketua blok dan kalau tidak terdapat diselesaikan akan dibawa kepengetahuan pengurus ataupun Mesyuarat JKKR dan kalau tidak dapat diselesaikan maka seterusnya. Bentuk pengkhususan ini semacam 'bottom- top ' polisi. Cara pentadbiran ini akan menyenangkan semua pihak. Walaupun JKKR tidak mempunyai kuasa mutlak dan muktamad tetapi peneroka masih mahu JKKR ujud kerana

University of Malaya

mereka merasakan bahawa kehilangan JKKR akan menyebabkan kehilangan satu perwakilan untuk mereka dan tanpa JKKR peneroka merasakan mereka sebagai hidup dan bekerja di ladang swasta.

Kadar penyertaan yang rendah di kalangan peneroka menyebabkan sendirinya kegiatan JKKR tergendala dan menemui kegagalan. Sikap peneroka sendiri telah mengubah peranan JKKR, sepatutnya mengeluarkan pimpin-pimpin tetapi telah direndah-rendahkan taraf kepimpinan mereka oleh peneroka sendiri. Kalaulah peneroka-peneroka mengubah sikap mereka dan mengambil intensif untuk bergiat dengan lebih aktif sudah tentu ataupun sekurang-kurangnya JKKR akan berjaya melaksanakan projek-projeknya.

Peranan FELDA terlalu banyak campurtangan di dalam pentadbiran JKKR telah menyebabkan JKKR sebagai badan perantaraan sahaja, penyampai berita, maklumat dan seterusnya menerima maklumat dari peneroka dan dibawa ke mesyuarat untuk persetujuan kakitangan FELDA, walaupun dalam mesyuarat AJK diberi peluang untuk mengeluarkan hujah-hujahnya namun kalau ia tidak diterima maka tidak akan juga diterima dan dilaksanakan. Akibatnya AJK JKKR hanya berperanan sebagai orang tengah di antara pembuat polisi dan peneroka dan membawa kembali kepada polisi 'top - bottom'.

BAB 6 KESIMPULAN DAN PENUTUP

Tujuan utama kajian ini dibuat ialah untuk melihat aktiviti-aktiviti serta peranan yang dijalankan oleh JKKR di rancangan tersebut. Untuk melihat keseluruhan kegiatan JKKR ini, pengkaji telah membahagikannya kepada 2 bahagian secara am:

I. Pembangunan rancangan keseluruhan.

2. Peranan JKKR dari mula penubuhannya sehingga ke masa kajian dibuat.

Setelah 22 rancangan ini dibuka dan lebih kurang I4 tahun JKKR ditubuhkan, telah memperlihatkan kemajuan rancangan sama ada dari segi fizikal mahupun dari aspek sosio- ekonominya.

Bila dipandang pada fizikalnya didapati bahawa kemajuan rancangan ini lebih baik dari kampung-kampung asal peneroka, perkara ini diakui sendiri oleh peneroka-peneroka sendiri. Mereka telah di sediakan perkhidmatan dan kemudahan awam seperti jalanraya bertar walaupun masih terdapat jalan laterite, letik, kemudahan air, sekolah, kedai, balairaya, klinik dan sebagainya. Sementara itu untuk menghilangkan rasa bosan penguni rancangan telah disediakan tayangan gambar pada tiap-tiap bulan. Segala ini merupakan inisiatif JKKR dengan pertolongan peneroka serta melalui persetujuan FELDA.

Sementara itu dari aspek sosio-ekonomi JKKR dengan bantuan FELDA telah menjalankan beberapa bentuk aktiviti yang lebih menekan pada bentuk intergasi dan ekonomi. Sebagaimana telah ketahui bahawa rancangan ini seluas 99 hehtar dan walaupun kesemua peneroka

berasal dari negeri Johor dan berbangsa Melayu tetapi mereka datang dari dearah serta rumpunan yang berlainan. Untuk kentingan rancangan pada peringkat awal sebelum tertubuhnya JKKR , FELDA telah membentuk kumpulan-kumpulan Yaasin, apabila JKKR ditubuhkan pada tahun I97I, maka setiap kumpulan Yaasin dijadikan blok-blok dan mempunyai ketua blok yang oleh merka sendiri. Maka dari sebuah institusi yang bercorak 'inform' dan keagamaan telah bertukar menjadi institusi yang bercarak 'formal'. Melalui kumpulan Yaasin ini peneroka bukan sahaja menjalankan kehendak agama tetapi juga dapat mengeratkan tali persahabatan dan dapat mengemukakan masalah masalah yang sedang dihadapi, begitujuga ketua-ketua blok akan membentangkan aktiviti dan cadangan selanjutnya.

Pada awal penubuhannya, JKKR begitu giat menjalankan aktivitinya terutama <u>gotongroyong</u> seperti membersihi kawasan masjid, mendirikan pondok rukun tetanggadan sebagainya. Boleh dikatakan segala aktiviti JKKR pada peringkat ini mendapat sambutan dan sokongan dari para peneroka. Peneroka-peneroka merasakan rancangan rancangan merupakan perkampungan baru merka, jadi perlu dimajukan untuk kepentingan mereka bersama. Tujuan utama segala aktiviti-aktiviti ini adalah untuk menyatupadukan peneroka-peneroka supaya perhubungan persahabatan akan dapat dipupuk dan terutama hanya pada peringkat blok-blok . Cara begini terdapat kelemahannya peneroka-peneroka dalam satu blok bersatupadu daripada keseluruhan rancangan. Ini membawa kepada perasaan seblok sahaja bukan

serancangan, akibatnya aktiviti-aktiviti JKKR peringkat rancangan jarang berjaya dari aktiviti peringkat blok kerana peneroka lebih utamakan blok-blok masing-masing.

Dalam hal ekonomi, JKKR memainkan peranan sebagai'orang tengah' di antara FELDA, kerajaan negeri dan badan berkanun lainnya. Penerok akan diberikan penerangan, nasihat dan perhatian ke atas segala masalah yang dihadapi dalam masa menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Tujuannya untuk menambahkan pendapatan peneroka supaya tidak bergantung sangat pada tanaman asas iaitu Getah. JKKR telah berjaya melhirkan beberapa usahawan-uashawan Bumiputra contohnya, seorang peneroka telah dapat menyediakan perkhidmatan bas untuk mask dan keluar rancangan di samping mempunyai se buah kedai dan bengkel perabut di dalam rancangan.

Dalam usaha-usaha pembangunan rancangan JKKR dan FELDA telah dapat menerapkan nilai-nilai baru dalam rancanganini , boleh dikatakan ianya sedang mengalami proses ' semi urban' berbeza dengan keadaan perkampungan peneroka yang asal. Peneroka-peneroka tidak lagi tinggal dalam satu lot tanah di mana saudara mara berdekatan tetapi mempunyai lot-lot individu dan setiap penerka di dapati begitu menghormati 'privacy' orang lain dan tidak terdapat 'gossip group' di kalangan kaum wanitanya dan kawasan ini agak sunyi pada waktu petang. Pengkaji dapati bahawa peneroka dan keluarga hanya akan berkunjungdalam suasana tertentu seperti kenduri-

kendara, majlis perkahwinan , kematian dan hari-harilain seterusnya Keadaan ini menggambarkan terdapatnya unsur-unsur bandaran di rancangan tersebut.

Dari segi peranan , JKKR pula begitu bergantung pada FELDA pada segala lapangan mula dari penubuhan hingg sekarang ini. Walaupun begitu JKKR telah dapat memainkan peranan sebagai sebuah badan perwakilan peneroka tertinggi bercorak otonomus, namun untuk mengatakan JKKR merupakan badan tersendiri dan berkuasa penuh adalah tidak tetap.

Walaupun JKKR ditubuhkan dengan alasan supaya peneroka akan diwakili pada peringkat rancangan sehingga ke pembuat polisi dan perlaksanaannya, namun gambaran sebenarnya yang ujud ialah JKKR merupakan satu simbol dan 'window dressing' kepada peneroka. JKKR masih bergantung pada FELDA terutamanya dari segi persetujuan, setiap aktiviti-aktiviti yang hendak dijalankan oleh JKKR mesti mendapat persetujuan Pengurus ataupun wakil pengurus. Oleh itu didapati bahawa JKKR ditubuhkan oleh FELDA hanya untuk merapatkan hubungan antara 'client' (peneroka) dan 'patron' (FELDA).

Kemudian dari bentuk organisasinya hanya terdiri dari orang-orang yang sama menjadi ketua blok dan sudah tentu idea-ideanya akan cendurung pada corak yang sama. Masalah utamanya dan paling ketara ialah dari segi kepimpinan, tidak terdapat 'barisan kedua' adalah kerana belum terdapat para belia yang menjadi peneroka kerana syarat memganggotai JKKR ialah peneroka. Oleh itu

langkah-langkah seperti melatih 'barisan kedua ' amatlah penting. lagipun beberapa AJK JKKR telah meluahkan rasa takut mereka siapa akan bakal pengganti mereka kelak , menurut mereka juga walaupun terdapat Persatuan Belia di rancangan tersebut namun organisasi ini juga menghadapi masalah dari segi kepinpinan, ramai anak-anak muda telah meninggalkan rancangan untuk mencari rezeki di luar rancangan. Dari itu JKKR dan Persatuan Belia seharusnya bergading bahu untk menyususn strateji jangkapanjang serta langkah-langkak positif dalam usaha menyediakan pucuk pimpinan dan menjaga kestabilan rancangan

Seterusnya AJK JKKR terpaksa memegang dua jawatan iaitu satu sebagai wakil dan satu lagi sebagai peneroka. Sementara kakitangan FELDA hanya memegang satu jawatan dan mendapat gaji dari pekerjaan tersebut, kalau di bandingkan dengan AJK JKKR yang terpaksa menoreh untuk menanggung keluarga dan mentadbir rancangan tanpa gaji yang tetap setiap bulan. Pengkaji mencadangakan supaya AJK JKKR dilepaskan tugas mereka sebagai peneroka dan dibayar gaji setiap bulan oleh FELDA. Rancangan sebenarnya merupakan sebuah kampung dan Ketua JKKR di lantik sebagai Penghulu dan ketua-ketua blok sebagai penolong penghulu.

Kebanyakan peneroka yang ditemubual menunjukkan sikap tidak yakin akan kemampuan JKKR untuk mengelola rancangan tanpa bantuan FELDA. Akibat dari ini menyebabkan penyertaan peneroka semakin merosot.

Sementara itu peranan FELDA sendiri tidak mahu melepaskan JKKR dari kuasa mereka. FELDA telah mengujudkan satu keadaan di mana menyebabkan JKKR sangat bergantung pihak pentadbir contohnya dalam setiap mesyuarat JKKR mesti dihadiri oleh pengurus sebagai 'pengeruasi' ataupun wakilnya. SDA memainkan peranan dalam pembangunan sosial dan keagamaan dan dalam hal pengurusan Ladang walaupun ujud Jawatankuasa Ladang, namun pengurus atau penyelia-penyelianya akan melawat dan menguasai pentadbiran ladang.

Secara keseluruhannya peranan utama JKKR merupakan badan perantaraan antara 'Client' dengan 'Patron ' di mana ujud satu keadaan FELDA tidak mahu melepaskan mereka ke atas peneroka . Keujuban JKKR adalah merupakan satu simbol kepada peneroka untuk merasakan bahawa mereka di wakili dan bukan sebagai buruh ladang , masalah yang dihadapi mereka akan cuba diselesaikan oleh FELDA, tetapi apa yang sebenarnya ujud FELDA memiankan peranan sebagai sebuah organiasi yang kuat dan akan menambah kuasanya ke atas peneroka. FELDA nampaknya sama sekali agar sukar mlepaskan dan membenar JKKR mentadbi rancangan tanpa campurtangan mereka.

BIBLIOGRAFI

Teks Rujukan

1. Abrahamson, Mark (ed.) ; Introductory reading on sociological Concept, Method and Data. Van Nostrand Reinhold Co. 1983.

2. Mac Andrew, Bryan Colin; Mobility and moderning; The Federal Land Development Authority and its roles in modernising the rural Malaya. Yogjakarta, Gadja Mada University Press, 1977.

3. Shamsul Bahrin, Tunku (and) P.D.A. Perera ; FELDA 21 Years at Land Development, Kuala Lumpur , 1977.

4. Ullrich , Robert A, ; A theoretical mode of human behavior in organization an eclectic approch. Morristown N.J, General Learning Press (1972).

Tesis dan Kertas Projek

1 . Ishak Radzi ; Penglibatan Generasi Pertama Masyarakat FELDA Bukit Aping Timur di dalam Kumpulan Sosial dan Keagamaan. Jabatan antropologi dan Sosiologi, 1983

2. Norimah Abu Bakar ; Peranan Wanita dalam Pergerakan Sosial dan Ugama DI Rancangan FELDA Air Hitam, Johor. Antropologi dan Sosiologi, 1983.

3. Lapuran FELDA sehingga Jun 1984. Didapati dari pejabat.

University of Malaya

BIODATA KELUARGA: *

| Bil. | Nama | Jantina | Umur | sudah/ belum kahwin | Hubungan dgn ketua rumah | Jumlah tahun tinggal di Kpg. sekarang | Pelajaran: Taraf tertinggi dicapai & medium eg. Std.VI(M) Std. VI(A)** | Jumlah tahun ber-sekolah | Jika tiada di ran. beri sebab-sebab. |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | (6) | (7) | (8) | (9) | (10) |
| 1. | | | | | | | | | |
| 2. | | | | | | | | | |
| 3. | | | | | | | | | |
| 4. | | | | | | | | | |
| 5. | | | | | | | | | |
| 6. | | | | | | | | | |
| 7. | | | | | | | | | |
| 8. | | | | | | | | | |
| 9. | | | | | | | | | |
| 10. | | | | | | | | | |
| 11. | | | | | | | | | |
| 12. | | | | | | | | | |
| 13. | | | | | | | | | |
| 14. | | | | | | | | | |
| 15. | | | | | | | | | |

* Keluarga termasuk anak yang tinggal di luar ran. dan saudara/orang lain yang menetap dalam rumahtangga, e.g. anak angkat, anak saudara, dll

** M - Sek. Melayu; A - Sek. Arab; I - Sek. Inggeris.

University of Malaya

.2 Kampung asal

(a). Nama kampung asal Batu Pahat.

(b). Jarak kampung asal dari rancangan 31 kilometer.

(c). Jarak kampung asal dari bandar 5 kilometer.

Nama bandar Batu Pahat.

(d). Saudara mara yang masih ada di kampung

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) | Ada | Ada. |
| (ii) | | |
| (iii) | | |

(e) Kekerapan pulang ke kampung asal

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Tidak pernah | | |
| (ii) Sethun sekali | ✓ | ✓ |
| (iii) Setahun dua kali | | |
| (iv) Tiap-tiap bulan | / | |
| (v) Lebih kerap | | |
| (vi) Lain-lain | | |

(g) Sebab -sebab pulang

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Hari Raya | ✓ | |
| (ii) Kenduri | ✓ | ✓ |
| (iii) Sakit demam | | |
| (iv) Rindu | | |
| (v) Lain harta | | |
| (vi) Lain -lain hal | ✓ | ✓ |

(h) Persatuan yang terdapat di kampung asal dan anda menganggotai

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Persatuan Belia | | |
| (ii) Parti Politik | ✓ | ✓ |
| (iii) Persatuan Wanita | | |
| (iv) Lain-lain kenyataan | | |

University of Malaya

2.1b.Untuk semua anggota rumah

| Nama | Kerja Sekarang | | | | Kerja Dahulu | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tetap | | Sementara | | Tetap | | Sementara | |
| | Jnis | Pendptan | Jenis | Pendptan | jenis | pdptan | Jenis | Pdptan |
| | menarik | $ 500 | nelayan $50 | | nelayan | | | |

2.1b . Untuk semua anggota rumah

| Nama | Pdptan dari dari kpg.e.g. sewa rumah . | Jumlah | Pdptan dari sumber laine.g. elaun dari JKKR. | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | | / | JKKR | $10 |

2.2a-2.2c hanya untuk isteri

2,2a Penglibatan isteri dalam kerja- kerja ladang

| Jenis kerja | Tempuh masa | Jumlah jam dalam sehari |
|---|---|---|
| | | |

University of Malaya

2.2b. Siapakan yang membantu kerja rumah semasa isteri bekerja di ladang.

2.2c . Kalau isteri tidak terlibat dalam kerja ladang , nyatakan sebabnya

.3 Nyatakan bulan-bulan manakan yang anda biasanya paling sibuk degan kerja ladang

| Bulan | Paling sibuk | | Sederhana | | Tidak banyak/ Tidak kerja | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| ~~JAN~~ | Suami | Isteri | Suami | Isteri | Suami | Isteri |
| Jan. | | | | | | |
| Feb. | | | | | | |
| Mac | | | | | | |
| April | | | | | | |
| May | | | | | | |
| Jun | | | | | | |
| Julai | | | | | | |
| Ogos | | | | | | |
| Sept. | | | | | | |
| Okt. | | | | | | |
| Nov. | | | | | | |
| Dec. | | | | | | |

.4 . Pendapatan anda sekeluarga sebulan ialah ________________

.4b . Nyatakan jenis kadar perbelanjaan yang penting bagi rumahtangga anda

| Jenis | Kadar sebulan/ setahun | % |
|---|---|---|
| 1. Makanan | $ 300 | |
| 2. Pakaian | $100 setahun | |
| 3. Perbelajaan untuk anak-anak | – | |
| 4. Perkakas rumah | – | |
| 5. Cukai | | |
| 6. Yuran | | |
| 7. Simpanan | | |
| 8. Sumbangan kepada | | |

University of Malaya

| | | |
|---|---|---|
| 9. Lain-lain | | |

3.1 Simpanan dan Hutang .

(a). Adakan anda menyimpan wang

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i). Ada | ✓ | ✓ |
| (ii). Tidak | | |

(b). Kalau ada di mana

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (a). Rumah | | |
| (b).Pejabat Pos | ✓ | ✓ |
| (c) ASN | ✓ | ✓ |
| (d)Lain- lain | | |

(c). Jika ada berapa

| Suami | Isteri |
|---|---|
| | |

(d). Untuk apa anda menyimpan

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) MAsa depan anda | / | / |
| (ii)Perlajaran anak-anak | | |
| (iii) Membaiki taraf hidup | | |
| (v) Untuk kenduri kahwin anak | | |
| (v) Untuk menambah harta dan rumah | | |
| (vi) Lain- lain | | |

University of Malaya

ikap terhadap pendapatan

(a) Adakan pendapatan anda sekarang jika di bandingkan dengan pendapatan anda dahulu

(i). Lebih ✓ ✓
(ii) . Sama
(iii).Kurang

Sebab-sebabnya

Dahulu kerja kampung.

(b). Jika diberi peluang menambah pendapatan anda di tempat lain

(i). Sedia berpindah
(ii). Tidak ✓ ✓

Sebab- sebab

Dah tua.

(c). Jika diberi peluang, adakan anda memilih pekerjaan bergaji tetep

(i) Ya
(ii )Tidak ✓ ✓

Sebab- sebabnya

Dah tua.

(d) Sebab- sebab anda memasuki Rancangan . Mengikut susunan pertama, kedua dan ke ketiga.

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i)Hendak pendapatan yang lebih | | |
| (ii) Hendak memilik tanah | | |
| (Iii) Hendak menjadi petani mahir | | |
| (v) Untuk mendapat kemudahan sosial | | |
| (vi) SBbab-sebab lain Seruan kerajaan | 1 | 1 |

University of Malaya

5.1 . Pentadbiran

(a) Apakah kerumitan tinggal di raca ngan (pilih 3yang penting)

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Kurang kemudah sosial | | |
| (ii) Disiplin terlalu ketat | | |
| (iii) Jauh dari kampung | | |
| (iv) JAUH dari bandar | | |
| (v) Susah tinggal dengan orang lain bukan saudara | | |
| (vi)Kerja teruk | | |
| (vii)Lain Ah | ✓ | ✓ |

(b)Adakan kerja anda diawasi dan dijadaulkam

(i)Ya

(ii)Tidak ✓ ✓

(c) Jika di awasi, apa pendapat anda

(i)Lebih baik kerana dapat panduan

(ii) Lebih suka bebas ✓

(iii) Lain -lain

University of Malaya

## 6.1 Kumpulan Sosial/Ugama

Apakah kumpulan-kumpulan sosial dan ugama yang terdapat dalam kawasan rancangan. Nyatakan penyertaan anda.

| Nama Kumpulan | Tahun Ditubuhkan | Ahli Biasa | | Penyertaan AJK | | Tidak Sertai | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S | I | S | I | S | I |
| JKKR | | | | ✓ | | | |
| GRO | | | | 6 | ✓ | | |
| UMNO | | ✓ | ✓ | [illegible] | [illegible] | | |

## 6.2 Tahukah anda adanya pertubuhan JKKR di kawasan rancangan ini?

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| i) Ya | ✓ | ✓ |
| ii) Tidak | | |

## 6.3 Nyatakan tugas-tugas yang dilakukan oleh JKKR untuk membaiki keadaan peneroka di kawasan rancangan

| Perkara | Peringkat Keluarga | Peringkat Blok | Peringkat Rancangan |
|---|---|---|---|
| Rasmi | ① menasihat peneroka menghadapi masalah | ① menyampai kehendak peneroka. | ① membaiki kemudahan awam ② mengadakan kebudayaan. |
| Tidak Rasmi | – | – | – |

University of Malaya

6.4 Pada pendapat anda apakah 3 tujuan penting JKKR mengadakan aktiviti-aktivitinya?

| Suami | Isteri |
|---|---|
| (i) Dapat memanfaatkan | (i) |
| (ii) | (ii) |
| (iii) | (iii) |

6.5 Bagaimanakah pandangan anda mengenai prestasi JKKR sepanjang tahun?

| | Keluarga | | Blok | | Rancangan | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | S | I | S | I | S | I |
| (i) Baik | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| (ii) Sangat Baik | | | | | | |
| (iii) Sederhana | | | | | | |
| (iv) Kurang Memuaskan | | | | | | |

Sebab-sebabnya: ______________________________

______________________________

6.6 Nyatakan sumbangan JKKR terhadap peneroka dari segi sosial dan ekonomi

| Perkara | Peringkat Keluarga | Peringkat Blok | Peringkat Rancangan |
|---|---|---|---|
| Sosial | | | |
| Ekonomi | | | |

University of Malaya

6.7 Adakah anda bersetuju dengan cara pemilihan ahli AJK ke dalam JKKR

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Ya | ✓ | ✓ |
| (ii) Tidak | | |

Sebab-sebabnya: ada

7.1 Bagi kumpulan JKKR. Apakah sebab-sebab anda menyertai/tidak kumpulan tersebut. Berikan tiga sebab-sebab utama.

| Sebab Menyertai | | Sebab Tidak Menyertai | |
|---|---|---|---|
| Suami | Isteri | Suami | Isteri |
| (i) wajib | | (i) | |
| (ii) | | (ii) | |
| (iii) | | (iii) | |

7.2 Apakah 3 faedah penting dalam menyertai JKKR ini?

| Suami | Isteri |
|---|---|
| (i) Dapat mengadakan masalah. | (i) |
| (ii) | (ii) |
| (iii) | (iii) |

7.3(a) Bagaimana pandangan anda terhadap ~~pegawai~~/AJK JKKR, adakah mereka telah menjalankan tugas dengan:

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Memuaskan | ✓ | ✓ |
| (ii) Lebih Memuaskan | | |
| (iii) Sederhana | | |
| (iv) Kurang Memuaskan | | |

Sebab-sebabnya:

University of Malaya

7.3(b) Patutkah JKKR diberi kuasa?

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Lebih | | |
| (ii) Kurang | | |
| (iii) Sederhana | ✓ | ✓ |

Sebab-sebabnya: Cukup

7.3(c) Adakah JKKR patut dihapuskan:

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Ya | | |
| (ii) Tidak | ✓ | ✓ |

Sebab-sebabnya: Badan pantudan.

7.3(d) Adakah JKKR dapat menjalankan peranannya seperti mana yang dikehendaki oleh anda?

| | Keluarga | Blok | Rancangan |
|---|---|---|---|
| (i) Ya | ✓ | ✓ | ✓ |
| (ii) Tidak | | | |

7.4 Pada pendapat anda apakah syarat-syarat yang mesti terdapat pada seseorang untuk layak dipilih menjadi AJK, JKKR. Susun jawapan mengikut kadar pertama, kedua dan ketiga.

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Amanah | 1 | 1 |
| (ii) Berpengalaman | | |
| (iii) Berpelajaran | | |
| (iv) Pandai Bercakap | | |
| (v) Bijak Dalam Hal Ugama | | |
| (vi) Kaya | | |

University of Malaya

7.5 Pada pendapat anda patutkah organisasi dan perjalanan pentadbiran JKKR diperbaiki?

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Ya | | |
| (ii) Tidak | ✓ | ✓ |
| (iii) Lain | | |

Bagaimana caranya: ______________________________

______________________________

7.6 Adakah anda bersetuju dengan segala-gala aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh JKKR bagi peringkat keluarga, blok dan rancangan?

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Ya | ✓ | ✓ |
| (ii) Tidak | | |

Sebab-sebabnya: ______________________________

______________________________

8.1 Nyatakan kekerapan anda menyertai kegiatan kumpulan JKKR

| | Sebagai Ahli Biasa | | Sebagai AJK | |
|---|---|---|---|---|
| | Suami | Isteri | Suami | Isteri |
| (i) Tiap-tiap Hari | | | | |
| (ii) 1 kali seminggu | | | | |
| (iii) 2 kali seminggu | | | | |
| (iv) 3 kali sebulan | | | | |
| (v) 1 kali sebulan | ✓ | | | |
| (vi) 6 kali sebulan | | | | |
| (vii) 1 kali setahun | | | | |
| (viii) Lain | | | | |

University of Malaya

8.2 Senaraikan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh JKKR di mana anda melibatkan diri:

| Perkara | Peringkat Keluarga | Peringkat Blok | Peringkat Rancangan |
|---|---|---|---|
| Rasmi | | | |
| Tidak Rasmi | | | |

8.3 Penyertaan anda dalam JKKR

| | Suami | Isteri |
|---|---|---|
| (i) Aktif | ✓ | |
| (ii) Sederhana | | |
| (iii) Biasa | | |

Sebab-sebabnya: ASK.

University of Malaya




*Fig. 3.2 Central Village layout plan for a FELDA scheme*



*Plate 6. An aerial view of a typical village is an oil palm scheme. The location of the village allows easy access to the blocks and the scheme management office.*



Plate 5. *An aerial view of a typical village in a rubber scheme. The location of the individual houses is such that the settlers travel only a minimal distance to*



*Plate 5. An aerial view of a typical village in a rubber scheme. The location of the individual houses is such that the settlers travel only a minimal distance to*

# PETA FELDA AIR HITAM

